

Jilid III
Bil. 10



Hari Isnin
8hb April, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1457]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1516]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan)
[Ruangan 1516]

Rang Undang-undang Kanun-~~Kanun~~ Keseksaan (Pindaan) [Ruangan 1544]

Rang Undang-undang Kewangan [Ruangan 1550]

Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) [Ruangan 1552]

Rang Undang-undang Perikanan [Ruangan 1556]



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO' MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (KOTA SETAR).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO' MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.
Penyunting Kanan: P. B. Menon.
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.
Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 8hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERLEMBAGAAN MALAYSIA—
PENERBITAN EDISI
TERBAHARU

1. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan bilakah edisi terbaharu Perlembagaan Malaysia yang mengandungi pindaan-pindaan yang kemaskini akan diterbitkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja untuk mengeluarkan edisi terbaharu Perlembagaan Persekutuan sedang giat berjalan dan dijangkakan edisi tersebut akan dikeluarkan sebelum akhir tahun ini.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas penerangan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi saya ingin bertanya adakah Perlembagaan yang akan dicetak itu kelak akan diterbitkan di dalam dua tulisan iaitu rumi dan jawi?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja mencetak semula Perlembagaan Persekutuan adalah perkara yang

rumit dan perlu dibuat dengan teliti. Di samping itu, nota-nota bagi menjelaskan pindaan-pindaan yang dibuat perlu juga dikemaskini. Pihak Suruhanjaya Penyemakan Undang-undang sedang bekerjasama dengan Bahagian Gubalan di Jabatan Peguam Negara untuk menerbitkan teks Bahasa Malaysia Perlembagaan Persekutuan yang terbaharu serentak dengan teks bahasa Inggerisnya. Oleh kerana urusan ini akan memakan masa sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Jawi dan rumi sama-samakah, itu soalnya. Adakah tulisan jawi bersama-sama dengan tulisan rumi?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Ini kita mengikut kehendak dasar Bahasa Kebangsaan. Jadi kita memikirkan teks dalam tulisan rumi.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana cetakan Perlembagaan pada akhir tahun ini akan siap, pertanyaan saya, berapakah harganya senaskah apabila telah dicetak nanti? Bolehkah Kerajaan menjual dengan harga murah supaya setiap rakyat dapat membelinya kerana ramai rakyat yang tidak mengetahui isi kandungan Perlembagaan kita?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, tentang berapa harga satu naskah ini belum lagi kita fikirkan. Dan yang kedua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi supaya harganya rendah, ini akan kita mengambil sebagai pertimbangan dengan hujah-hujah yang diberikan tadi.

PERLEMBAGAAN— PERUNTUKAN PINDAAN

2. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meminda Perlembagaan Malaysia untuk memastikan tidak akan berlakunya diskriminasi terhadap mana-mana warganegara Malaysia berasaskan kepercayaan politiknya seperti dalam hal membuang undi dalam pilihanraya, seperti pernah berlaku selepas pilihanraya kecil Tambunan di Sabah pada akhir bulan Disember lalu.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan telah digubal dalam bentuk dan corak yang tidak membenarkan diskriminasi terhadap sesiapa pun. Oleh itu tidak ada apa-apa sebab Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda dalam konteks pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa peruntukan atau fasal dalam Perlembagaan mengenai melarangkan diskriminasi terhadap warganegara Malaysia meninggalkan peruntukan-peruntukan atau rujukan kepada diskriminasi atas sebab kepercayaan politik ataupun seks dan inilah ketinggalan yang patut dibetulkan supaya apa-apa tindakan baik pun secara pentadbiran atau administrative secara Kerajaan yang berbau diskriminasi terhadap seorang warganegara oleh kerana kepercayaan politik semacam yang berlaku di Tambunan baharu-baharu ini atau lain sebab boleh dijelaskan dan dielakkan?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi Perlembagaan Persekutuan telah digubal begitu rupa ia tidak menggambarkan bahawa

wujudnya sebarang diskriminasi. Sekiranya soalan ini dikaitkan dengan isu Tabunan seperti yang terkandung dalam soalan asal dan juga soalan yang baharu dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ini merupakan perkara yang berbeza. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mengatakan wujudnya satu perbezaan ataupun diskriminasi dari segi pentadbiran maka perkara itu boleh dirujukkan dan diselesaikan di peringkat pentadbiran tanpa perlunya kita menggubal semula Perlembagaan dan sebagainya, ini maksud jawapan saya tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa bentuk Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan diskriminasi terhadap seorang warganegara oleh kerana kepercayaan politik. Tetapi saya tidak pernah memberi peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan mengenai hal ini. Bolehkan Yang Berhormat Menteri bacakan peruntukan dengan jelasnya yang melarang diskriminasi terhadap seorang warganegara atas kepercayaan politik — manakah fasal itu, manakah artikel itu?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu bahas dengan Ahli Yang Berhormat mengenai tiap-tiap fasal yang ada dalam Perlembagaan tetapi maksud pertanyaan ini ialah sama ada Perlembagaan itu sendiri menggambarkan diskriminasi. Jawapannya tidak ada. Dan soal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebenarnya ditujukan kepada apa yang dianggapkan berlaku selepas pilihanraya kecil Tambunan, ini juga menjadi bahan kedua daripada persoalan itu dan saya telah mengatakan tidak ada bau, tidak ada terdapat, tidak ada apa jenis diskriminasi yang berlaku di situ selepas pilihanraya. Kalau ada perbezaan antara tafsiran Ahli Yang Berhormat dengan saya mengenai cara

kita melaksanakan corak pentadbiran di situ, ini hanya di dalam pentadbiran dan kita boleh selesaikan dalam bentuk itu.

FAMA—MEMAJUKAN HASIL PERTANIAN DESA

3. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa dalam tempoh lebih dari 15 tahun FAMA ditubuhkan badan ini masih lagi dalam merancang bagi memajukan hasil-hasil pertanian desa. Apakah program jangka panjang dan jangka pendek FAMA dalam usaha untuk membaiki dan memajukan struktur pemasaran hasil-hasil pertanian desa.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, pendapat Ahli Yang Berhormat yang menganggap FAMA gagal menyempurnakan tugas-tugasnya setelah begitu lama ditubuhkan adalah tidak tepat. Sesuai dengan tugas-tugas yang ditetapkan dalam Aktanya FAMA telah dapat menyediakan berbagai perkhidmatan membantu petani-petani memasarkan hasil-hasil pertanian mereka. Ini dicapai melalui program-program menambahkan ruang pasaran, memperluaskan saiz pasaran, kawalan dan penguatkuasaan peraturan pemasaran, pelesenan perantara-perantara pemasaran dan menyebarkan maklumat-maklumat pasaran. Lebih penting dari itu FAMA juga terlibat secara langsung dalam kegiatan urusan membeli dan memasarkan terus hasil-hasil pertanian sama ada dalam atau luar negeri.

Dalam keadaan-keadaan tertentu FAMA melaksanakan Skim Jaminan Harga Barangan untuk mengelakkan kejatuhan harga hasil-hasil pertanian. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa prestasi FAMA ini perlu dan masih boleh ditingkatkan lagi. Oleh itu, program-program jangka panjang

dan jangka pendek telah pun disusun dan ini termasuklah kajian mengenai maklumat pasaran untuk maksud perancangan, risikan pasaran bagi membantu pengeluar, pemeroses, pengguna dan pengeksport, menentukan kegiatan masing-masing, pengembangan dan pendidikan pasaran dan pembangunan pasaran keseluruhannya.

Program-program ini tentunya akan dapat meningkatkan penglibatan FAMA dalam menyediakan perkhidmatan pemasaran yang lebih baik kepada petani-petani.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha untuk meluaskan saiz pasaran dan untuk meluaskan pasaran ini, adakah pihak FAMA telah pun mengadakan perhubungan ataupun perbincangan dengan negara-negara jiran untuk memasarkan hasil-hasil tempatan yang telah dikeluarkan. Jika ada, apakah bentuk-bentuk bahan yang dipasarkan kalau boleh dengan kuantitinya sekali.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, FAMA memang berminat tentang potensi pasaran makanan segar di negeri Singapura dan Brunei dan pada masa yang lalu FAMA pun telah menghantar deligasi untuk meluaskan pasaran di situ.

Berkenaan dengan negara-negara lain, FAMA sekarang aktif untuk mencari pasaran di Amerika Syarikat, Kanada, Jepun dan negara-negara lain terutama sekali bagi, dengan izin, Standard Malaysian Cocoa; dengan koko yang digredkan mengikut standard Malaysia.

DOLAR AMERIKA SYARIKAT— KESAN KENAIKAN

4. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan kenaikan dolar Amerika

Syarikat terhadap ekonomi kita kerana kebanyakan bil-bil import Malaysia adalah dikuasai dalam matawang Amerika Syarikat dan hakikat bahawa ekonomi Malaysia adalah sangat terbuka dan mudah dipengaruhi oleh ekonomi Amerika Syarikat.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya kenaikan dolar Amerika Syarikat akan menjejaskan negara kita. Kebanyakan import negara adalah diasaskan kepada nilai dolar Amerika dan kenaikan nilai matawang tersebut akan membawa kepada pertambahan dalam nilai import.

Walaupun ada kemungkinan eksport negara kita bertambah oleh kerana harga barang-barang kita di luar negeri akan menjadi lebih rendah, dengan izin, lebih competitive, nilai eksport kita mungkin tidak bertambah dengan banyak memandangkan kepada permintaan yang kurang menggalakkan bagi beberapa barangan utama yang dikeluarkan oleh negara kita. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kenaikan dolar Amerika Syarikat juga mungkin membawa kepada pertambahan dalam aliran keluar pertukaran matawang asing berkaitan dengan perbelanjaan untuk membayar balik hutang luar negeri yang kebanyakannya dalam bentuk dolar Amerika Syarikat serta perbelanjaan untuk membiayai pelajar-pelajar kita di negara tersebut.

Oleh itu, pada keseluruhannya imbalan pembayaran negara mungkin terjejas sedikit akibat daripada kenaikan dolar Amerika Syarikat itu. Selain daripada itu juga kenaikan dolar Amerika Syarikat dan kadar faedah yang agak tinggi di negara tersebut akan menjejaskan ekonomi negara-negara maju yang lain. Jika keadaan ekonomi negara-negara ini terjejas prestasi kita juga akan turut terjejas oleh kerana kita mengamalkan ekonomi yang terbuka.

Walau bagaimanapun, dalam masa 1-2 minggu kebelakangan ini nilai dolar Amerika Syarikat telah turun sedikit dan kita berharap nilai matawang ini akan terus stabil di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman.

(Soalan No. 5 Yang Berhormat Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri.

(Soalan No. 6 Yang Berhormat Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri tidak hadir)

KOMUNIS MENGEKPLOITASI ISU AGAMA

7. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa banyak telah diperkatakan mengenai anasir komunis yang memperalatkan agama untuk menghasut rakyat menentang Kerajaan; jika ini satu kebenaran, ini bermakna Kerajaan tahu siapa orang-orang yang menjalankan kegiatan ini dan jika betul demikian, nyatakan mengapa Kerajaan tidak menahan sahaja orang-orang yang berkenaan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar dan mengakui bahawa Parti Komunis Malaya (PKM) telah mempergunakan nama-nama pertubuhan bonekanya seperti Parti Persaudaraan Islam (PAPERI) dan Parti Kebangsaan Melayu Revolusiner Malaya (PKMRM) sebagai alat untuk mengeksploitasikan isu-isu agama dengan tujuan untuk mendapatkan

sokongan mereka ke arah pencapaian matlamat perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya.

Selain daripada itu, PKM juga menggunakan sentimen keagamaan ini melalui propaganda-propaganda yang disiarkan melalui Radio Parti Komunis Malaya iaitu Suara Demokrasi Malaya (SDM) dan risalah-risalah pro-komunis.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa meneliti dan mengawasi kegiatan-kegiatan tersebut. Penyiasatan ke atas individu-individu yang disyaki atau cenderung serta membantu kegiatan Parti Komunis Malaya itu dijalankan dari masa ke semasa dan sekiranya Kerajaan berpuas hati yang kegiatan mereka itu mengancam keselamatan negara tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang akan dikenakan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi bahawa memang ada gerakan-gerakan komunis yang memperalatkan agama bagi kepentingan mereka. Sehingga setakat ini, saya ingin bertanya manakah sasaran-sasaran yang dituju oleh gerakan ini, adakah terdapat di dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela ataupun badan-badan politik ataupun lain-lain.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Parti Komunis Malaya melalui propagandanya dan juga radionya tidak memilih satu sasaran yang tepat untuk mengeksploitasikan isu agama ini. Mereka menyebarkan secara menyeluruh.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan

Menteri. Sebagaimana apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu Parti Komunis Malaya menggunakan isu-isu agama melalui siaran-siaran radio dan sebagainya. Oleh yang demikian sekiranya Parti Komunis Malaya itu menjalankan gerakan-gerakan yang ada mempunyai pertalian yang tertentu di tanahair ataupun di merata-rata tempat yang dapat kita kesan, kemudian ada di antara parti-parti politik yang bahawa dalam kesan-kesan tidak kita dapati bahawa mereka ada hubungan dengan Parti Komunis Malaya akan tetapi pergerakan-pergerakannya itu menyerupai seakan-akan pergerakan Parti Komunis Malaya, tetapi hubungan yang terang tidak dapat. Adakah Kerajaan boleh juga mengambil tindakan-tindakan yang tertentu kepada mereka ataupun pertubuhan-pertubuhan yang menyerupai Parti Komunis Malaya. Itu yang pertama.

Yang kedua, adakah bagi pihak Kerajaan tidak dapat membuat suatu tangkisan daripada siaran-siaran radio yang disuarakan oleh Parti Komunis Malaya. Adakah tidak dapat Kerajaan kesan bagaimana untuk menangkis supaya suara-suara itu tidak dapat didengar oleh kita rakyat Malaysia?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan ke atas individu-individu yang disyaki membantu ataupun bersimpati dengan perjuangan Parti Komunis Malaya dijalankan dari semasa ke semasa dan ini tidak terhad kepada orang-orang yang bergiat dalam politik sahaja. Sepertimana yang saya jelaskan tadi, jika terdapat kenyataan yang begitu nyata sekali tindakan akan diambil. Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja sekalipun walaupun dia adalah seorang ahli politik ataupun orang awam biasa.

Kerajaan memang sedari bahawa Parti Komunis menggunakan radio-radio Parti Komunis Malaya melalui Suara Demokrasi Malaya yang saya sebutkan tadi, tetapi amatlah sukar bagi Kerajaan untuk menangkis sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Hanya berharap kepada rakyat jelata sahaja supaya tidak mendengar siaran-siaran ini ataupun jika mendengar siaran-siaran ini tidak akan dipengaruhi oleh propaganda-propaganda yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 8 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir)

RUMAH KONKRIT/KAYU— HARGA

9. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga rumah konkrit mahupun rumah kayu sangatlah tinggi. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menurunkan harga rumah-rumah tersebut ke taraf yang minimum supaya rakyat di dalam golongan pendapatan rendah dapat membeli dan mempunyai rumah sendiri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar harga rumah adalah tinggi semasa ini. Keadaan ini telah berlaku disebabkan kenaikan harta tanah, bahan-bahan binaan serta kos upahan buruh. Kos pinjaman kewangan bank untuk membeli rumah khususnya rumah harga tinggi juga meningkat di mana kadar faedah adalah di antara 13% hingga 15% setahun.

Dengan kesedaran ini Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menentukan supaya golongan

yang berpendapatan rendah dapat membeli rumah. Kerajaan telah mengawal harga jualan rumah kos rendah kepada paras yang tidak melebihi \$25,000 seunit. Kerajaan juga telah melancarkan Sekim Pinjaman Khas untuk membantu golongan berpendapatan rendah membeli rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 seunit. Melalui Sekim tersebut kemudahan diberi kepada mereka yang layak memohon pinjaman di mana faedah pinjaman bank perdagangan adalah dikawal pada paras tidak melebihi 10% setahun bagi rumah-rumah yang berharga di bawah \$60,000 seunit dan 11% bagi rumah-rumah yang berharga di antara \$60,000 hingga \$100,000 seunit. Bagi pembelian rumah yang berharga kurang daripada \$25,000 pinjaman 100% diberi.

Bagi program perumahan awam kos rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan pinjaman daripada Kerajaan Pusat, subsidi untuk pembeli rumah program tersebut diberi dalam bentuk kadar faedah pinjaman yang rendah iaitu 5½% setahun bagi rumah yang dijual secara terus. Walau bagaimanapun, bagi rumah awam kos rendah yang dikendalikan oleh Malaysia Building Society Berhad di kawasan bandar dikenakan bayaran faedah 9% tetapi rumah tersebut diberi juga subsidi dalam bentuk kos infrastruktur yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan iaitu sebanyak 30%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lain-lain langkah yang telah diambil oleh Kerajaan sebagai usaha untuk menurunkan harga rumah termasuklah penggunaan pelan seragam, pengenalan sistem binaan pasang-siap, menentukan bekalan bahan-bahan binaan yang mencukupi serta mempercepatkan segala proses mengenai permohonan berkenaan dengan tanah. Kementerian juga sedang berusaha meningkatkan

kepadatan sehektar penggunaan tanah untuk perumahan bertujuan untuk menurunkan harga rumah terutamanya di kawasan bandar di mana harga tanah adalah tinggi.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertamanya, adakah Kerajaan berpuas hati dengan struktur dan bentuk rumah murah yang ada sekarang ini. Jika sekiranya puas hati, adakah Kerajaan berhasrat untuk meluluskan sebarang permohonan daripada mereka yang dianugerahkan rumah kos rendah itu untuk membuat pindaan-pindaan seperti memperluaskan bahagian dapur dan memperluaskan bahagian hadapan rumah tersebut apabila mereka dibenarkan menduduki rumah-rumah tersebut.

Yang keduanya mengenai pinjaman untuk memperbaiki rumah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu sebanyak \$1,000; setakat ini berapakah bilangan peminjam-peminjam yang telah diluluskan dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu di Dewan yang mulia ini tentang cara-cara untuk membuat pinjaman tersebut.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, pelan-pelan rumah yang ada hari ini tentulah Kerajaan, bukan sahaja Kerajaan Pusat tetapi Kerajaan Negeri juga berpuas hati memandangkan keadaan kos pembinaannya.

Kita di Kementerian sedar bahawa mungkin rumah ini penghuni-penghuninya ramai yang hendak menukar bentuk atau hendak meluaskan lagi dan ini telah pun dilaksanakan di beberapa tempat dan memandangkan keadaan ini, Kementerian di masa akan datang akan mengadakan pelan-pelan rumah yang sudah siap diatur tempat-tempat atau ruang-ruang di mana pembeli-pembeli

itu boleh meluaskan lagi kawasan rumahnya.

Berkenaan dengan pinjaman yang disebutkan \$100,000 tadi pembeli-pembeli bolehlah berhubung dengan bank-bank perdagangan untuk memohon pinjaman ini. Seperti yang saya sebutkan tadi, mereka yang layak memohon pinjaman kerana bank-bank juga ada beberapa syarat-syaratnya yang perlu juga diisi oleh pihak sipemohon.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak dapat memberi bilangan ataupun angka mereka yang telah berjaya memohon pinjaman daripada bank kerana angka-angka ini selalunya diberi hanya kepada Bank Negara sahaja. Insya Allah, kalau perlu saya akan beri jawapan dengan bertulis.

DOKTOR MENGGUNAKAN PENSEL

10. Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini menyatakan terdapat segolongan doktor yang memeriksa pesakit-pesakit di hospital dengan menggunakan belakang pensel, dengan alasan bahawa doktor-doktor Islam tidak boleh menyentuh tubuh seseorang pesakit yang bukan sejenis dengannya. Jika sedar, apakah langkah-langkah tertentu Kementerian Kesihatan yang akan diambil terhadap doktor-doktor tersebut. Adakah Kementerian Kesihatan bercadang supaya doktor-doktor yang terlibat dalam perkara ini disingkirkan dari jawatan mereka atau mereka dilatih dan dilantik sebagai Pegawai Pentadbiran sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri ada membuat kenyataan bahawa ada doktor-doktor yang menggunakan pensel bagi memeriksa pesakit-pesakit baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua Pengarah-pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri telah diminta supaya mengawasi perkembangan-perkembangan seumpama ini. Mereka yang terlibat akan diambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

PUSAT BAHASA MELAYU SERANTAU

11. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Pusat Bahasa Melayu Serantau di Malaysia, seperti Pusat Bahasa Inggeris Serantau (RELAC) di Singapura, memandangkan Bahasa Melayu semakin pesat perkembangannya dan telah menjadi Bahasa Rasmi di Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan digunakan agak meluas di Selatan Thailand dan di Selatan Filipina.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini masih dalam pertimbangan Kerajaan, tambahan pula sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum dalam keadaan sekarang ini Kerajaan perlu juga memberi pertimbangan ke atas penglibatan kos bagi rancangan ini.

MALAYSIA DESTINASI PELANCONGAN

12. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan Malaysia sebagai satu tempat tumpuan pelancong yang masyhur untuk pelancong-

pelancong asing dan ke arah mencapai cita-cita ini apakah langkah yang telah diambil untuk mendengar dan menerima pandangan dan rungutan dari pelbagai kalangan termasuk dari industri hotel tempatan yang mengadu mengenai cukai perkhidmatan 10% dan kadar elektrik yang tinggi yang menurut mereka bertanggungjawab kepada kadar bayaran bilik yang tinggi dan sama ada apa-apa telah dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini;

- (b) apa yang akan dilakukan untuk meneguh dan memperkuat Perbadanan Kemajuan Pelancongan dalam menggalakkan pelancongan; dan
- (c) jumlah bilangan pelancong asing yang melawat Malaysia untuk tahun 1982, 1983 dan 1984 dan berapakah hasil pendapatan kita dari pertukaran wang asing.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang utama di rantau ini. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan bahawa langkah-langkah pemasaran yang dijalankan tidaklah ke seluruh dunia, tetapi ke sumber-sumber pasaran pelancongan yang utama iaitu di rantau ASEAN, Australia, Hong Kong, Jepun, Eropah Barat dan Amerika Utara.

Langkah-langkah pemasaran yang dijalankan di pasaran-pasaran berkenaan mempunyai dua sasaran iaitu sektor perdagangan (trade) dan sektor pengguna (consumers). Sementara itu dalam sektor pengguna

ini sendiri hanya segmen-segmen yang mampu serta kecenderungan untuk berbelanja sahaja yang menjadi sasaran utama. Langkah-langkah pemasaran yang dijalankan oleh Kerajaan melalui TDC pada keseluruhannya boleh dibahagikan kepada tiga iaitu pengiklan, penggalakkan dan publisiti.

Kerajaan menjalankan kempen-kempen pengiklanannya melalui kedua-dua media — elektronik dan cetak iaitu mengikut kesesuaian pasaran. Dari masa ke semasa Kerajaan mengambil bahagian dalam pesta expo dan pertunjukan pelancongan yang bersesuaian. Di samping itu Kerajaan menganjurkan festival makanan dan kebudayaan serta misi jualan pelancongan khususnya di pasaran-pasaran yang amat cenderung untuk melancong.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mendapatkan publisiti yang meluas, Kerajaan menyiarkan berita dan rancangan yang ada kaitan dengan industri pelancongan kepada media-media massa utama. Kerajaan juga menjalankan program lawatan sesuai kenal dan keraihan kepada kumpulan-kumpulan penulis, pengembaran, penggambaran dan pengusaha-pengusaha pelancongan dari luar negeri.

Di dalam usaha memajukan lagi industri pelancongan, Kerajaan sentiasa sensitif kepada cadangan, pandangan dan rungutan dari pelbagai pihak. Kerajaan memang menyedari bahawa kadar sewa bilik hotel di negara kita terutama sekali di bandaraya Kuala Lumpur adalah agak tinggi berbanding dengan kadar sewa di lain-lain bandar terutamanya di rantau ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar sewa bilik yang tinggi bukanlah semata-mata disebabkan oleh cukai perkhidmatan 10% yang dikenakan dan tarif bayaran elektrik yang dianggap tinggi.

Kadar sewa bilik hotel adalah sensitif kepada kuasa-kuasa pasaran iaitu penawaran dan permintaan. Pada masa ini kadar sewa bilik hotel yang tinggi terutama di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh jumlah penawaran bilik hotel yang belum mencukupi. Keadaan ini akan berubah bilamana jumlah bilik hotel bertambah setelah hotel-hotel baru siap dibina kelak. Selain dari itu Kerajaan menggalakkan pembinaan lebih banyak hotel bertaraf ekonomi. Hotel-hotel kelas ini akan menyediakan bilik dengan kadar sewa yang lebih berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meneguh dan memperkuat Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, Kerajaan sedang menimbang untuk menambah peruntukan kewangan kepada TDC supaya Perbadanan ini dapat menjalankan lebih banyak aktiviti penggalakan pelancongan dengan lebih berkesan.

Dalam tahun 1982, seramai 2,588,772 orang pelancong asing telah melawat Semenanjung Malaysia. Jumlah ini telah meningkat kepada 2,750,397 orang dalam tahun 1983. Sehingga bulan Mei 1984, seramai 1,057,040 pelancong telah melawat Semenanjung Malaysia. Pendapatan daripada pertukaran wang asing yang diperolehi dari lawatan pelancong-pelancong ini ialah sebanyak \$1,019.1 juta dalam tahun 1982 dan \$1,214.9 juta pada tahun 1983.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan. Pertama ialah memandangkan bahawa Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) mengalami masalah kekurangan peruntukan untuk meluaskan aktiviti-aktivitinya dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun menyatakan bahawa Kerajaan akan bercadang untuk menambahkan peruntukan. Adakah pihak Kementerian yang berkenaan

bercadang untuk meminta pihak Perbendaharaan (Treasury) untuk menyalorkan kutipan cukai perkhidmatan ini untuk perbelanjaan pihak TDC bagi tujuan untuk membangunkan bidang pelancongan.

Yang kedua ialah memandangkan bahawa salah satu objektif Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia ialah menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menghabiskan cuti mereka dengan melancong di dalam negeri sendiri, saya hendak mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sejauh mana tujuan ini dapat dicapai sehingga hari ini.

Dato Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama, memang TDC ada mengemukakan permohonan kepada Menteri Kewangan untuk mendapatkan peruntukan tambahan untuk TDC. Sampai sekarang ini belum mendapat keputusan oleh kerana Kerajaan terpaksa membuat comprehensive study untuk industri TDC.

Soalan kedua, memang TDC sedar bagaimana hendak cari, dengan izin, in bound tourists ke dalam negara ini. Sekarang ini TDC hendak mencuba, hendak mendapatkan satu tempat yang elok bagi pelancong-pelancong di dalam negara yang boleh dilawat di dalam negara kita.

TALIAN TELEFON DI KAPIT

13. Tuan Justine anak Temenggong Jinggut minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau bercadang untuk menambahkan talian telefon (telephone-lines) di Kapit, Bahagian Ketujuh Sarawak, memandangkan talian yang ada sekarang tidak mencukupi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua,

untuk makluman Ahli Yang Berhormat, muatan Ibusawat Kapit yang pada masa sekarang mempunyai 500 talian dan ini akan digantikan dengan sebuah ibusawat baru berkomputer ataupun berjenis stock programme control pada penghujung bulan Mei tahun ini juga. Ibusawat baru ini mempunyai muatan untuk 1,000 talian ibusawat. Pada penghujung bulan Februari tahun ini terdapat 464 pelanggan dan 104 penunggu telefon di Kapit.

Sebanyak 37 penunggu-penunggu dari jumlah yang tersebut di atas yang ditawarkan perkhidmatan telefon apabila ibu sawat baru itu dibuka pada penghujung bulan Mei tahun ini. Penunggu-penunggu yang lain itu akan ditawarkan perkhidmatan telefon apabila rancangan kebel siap dilaksanakan pada penghujung tahun ini juga.

YAYASAN PELAJARAN MARA

14. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Yayasan Pelajaran MARA sekarang ini. Adakah Kerajaan bercadang menjadikan yayasan ini sebagai satu badan tersendiri yang mempunyai lembaga pengarahnya yang khusus dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kewangan dan aktivitiya bagi mencapai kemajuan yang lebih baik dan berkesan terhadap hal-ehwal pelajaran di bawah anjuran MARA, sebagaimana taraf yang diberi kepada Lembaga Kraftangan Malaysia dan lain-lain agensi berkanun Kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, Yayasan Pelajaran MARA (YPM) telah ditubuhkan di bawah perintah

Majlis Amanah Rakyat 1969 sebagai satu perbadanan yang mempunyai identiti dan legal status yang tersendiri serta boleh mendakwa dan didakwa atas namanya. Disamping itu perbadanan ini juga mempunyai kuasa dan tugas yang tersendiri.

Oleh yang demikian, YPM mempunyai Lembaga Pengarahnya yang tersendiri untuk melaksanakan tugas dan kuasa-kuasa di bawah perintah di atas.

Disamping itu YPM mempunyai kuasa dan kebebasan yang menyerupai badan-badan lain berasaskan kepada maksud dan tujuan penubuhannya. Oleh kerana Yayasan ditubuhkan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat maka ianya bertanggungjawab kepada MARA sepertimana syarikat-syarikat bertanggungjawab kepada pemegang-pemegang sahamnya.

Yayasan juga bertanggungjawab untuk mendapatkan sumber kewangannya sendiri untuk menjalankan program-program yang telah ditetapkan.

Selaras dengan penubuhannya YPM mempunyai tujuan-tujuan seperti berikut:

- (1) untuk mengadakan kemudahan pelajaran dan latihan bagi kaum bumiputera;
- (2) menambah dan menyediakan biasiswa, pinjaman, pemberian, dermasiswa, dan lain-lain bantuan wang kepada bumiputera bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran;
- (3) untuk menggalakkan pelajaran dan latihan kaum bumiputera.

Dalam menjalankan peranan yang tersebut di atas, Yayasan telah mengadakan beberapa program projek pelajaran dan sosial seperti berikut:

- (1) mengadakan program perkhidmatan seperti sekim pinjaman pengajian, sekim anak

angkat dan sekim pinjaman menanam budi;

- (2) mengadakan program pembangunan pendidikan;
- (3) membina pusat-pusat pendidikan seperti Pusat Sumber Pembelajaran, Pusat Pengajian dan asrama Yayasan Pelajaran MARA.

YPM juga bergiat dalam bidang perniagaan dan pelaburan yang menguntungkan untuk mendapat dan menambah sumber kewangan bagi pelaksanaan program dan projek-projek yang telah saya sebutkan tadi. Di samping itu, Yayasan juga boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti yang tidak termasuk di dalam bidang kegiatan MARA seperti mengadakan kutipan derma demi untuk menambah keupayaan Yayasan dalam pemberian biasiswa dan dermasiswa kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya.

BANDUAN REMAN—JUMLAH

15. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kehakiman menyatakan jumlah banduan reman yang sedia ada setakat 1-3-1985 di seluruh negara dan nyatakan jumlah yang telah menunggu untuk dibicarakan selama kurang 6 bulan, 6-12 bulan, 1-3 tahun, 3-5 tahun dan lebih daripada itu dan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyegerakan perbicaraan mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah banduan reman sehingga 31hb Disember, 1984 ialah seramai 4,364 orang seperti berikut:

Kurang daripada 6 bulan ..	2,891 orang
6 ke 12 bulan	726 orang
1 ke 3 tahun	639 orang
Lebih daripada 3 tahun ..	108 orang

Kerajaan sedang berusaha menyegerakan perbincaraan kes banduan reman ini dengan:

- (1) menambah jumlah hakim;
- (2) mengisi jawatan majistret yang kosong dengan perlantikan secara kontrak bebas pegawai Polis dan pegawai Tadbir dan Diplomatik yang berumur di antara 55 tahun dan 66 tahun yang telah bersara;
- (3) membicarakan dahulu kes-kes di mana banduan ditahan kerana tidak mendapat orang untuk menjadi penjamin.

BURUH-BURUH THAILAND DAN INDONESIA

16. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah benar Malaysia sekarang sedang mengalami kekurangan tenaga buruh yang menyebabkan Kerajaan berura-ura hendak membawa masuk buruh-buruh dari Burma dan adakah buruh-buruh dari Selatan Thailand tidak sesuai dibawa masuk ke Malaysia.

25. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapakah buruh-buruh Thailand tidak digalakkan untuk bekerja di Malaysia sebagaimana diberi galakan kepada buruh-buruh dari Indonesia.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 25 oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang hampir sama maksudnya.

Mengikut kajian-kajian yang telah dibuat oleh beberapa pertubuhan seperti Persatuan Penanam-penanam Bersatu Malaysia, Instituti Penyelidikan Getah Malaysia, Majlis

Penanam-penanam Kelapa Sawit Malaysia dan Persatuan Majikan-majikan Malaysia; Malaysia mengalami kekurangan tenaga pekerja khususnya di sektor perladangan dan pembinaan.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah membuat keputusan membenarkan kemasukan pekerja-pekerja dari negara jiran. Walau bagaimanapun, di peringkat permulaannya dimulakan dengan pengambilan pekerja-pekerja dari Indonesia. Di samping itu pekerja-pekerja dari Thailand telah dibenarkan juga digunakan khususnya di negeri-negeri Kelantan dan Terengganu. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil pekerja-pekerja dari Burma.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah benar diantara buruh-buruh yang kita bawa masuk daripada negara jiran itu tidak semuanya yang beragama Islam. Dan benarkan atau tidak berita-berita yang menyatakan bahawa di antara buruh-buruh ini ada yang melakukan gerakan-gerakan yang haram dan ada pula yang memakan makanan haram yang dilarang oleh Islam secara terang-terang di khalayak ramai.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana yang saya terangkan tadi buat permulaannya kita memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja dari Indonesia. Dan setakat ini kita ada 202 orang pekerja-pekerja dari Indonesia yang masih bekerja mengikut kontrak mereka selama 2 tahun di negara ini di dalam beberapa buah ladang kelapa sawit di seluruh negara. Juga terdapat 141 orang pekerja dari Thailand yang kebanyakannya mungkin tidak beragama Islam. Walaubagaimanapun, jika terdapat mana-mana

pekerja yang melakukan kesalahan dari segi undang-undang negara kita, tindakan yang tegas akan diambil terhadap mereka. Tetapi kita tidak bolehlah melarang mereka yang bukan beragama Islam, khususnya dari negara Thailand yang memakan barang-barang yang dilarang oleh agama Islam. Kita mengambil tindakan.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan kadar 200 lebih daripada Indonesia dan 100 lebih daripada Thailand itu menjadi satu isu kekurangan buruh. Bukankah isu kekurangan itu tidak timbul sekali-kali dengan sekadar 300 orang lebih kurang itu. Adakah sesuatu selain daripada itu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diterangkan tadi memang diakui oleh Kerajaan bahawa kita menghadapi kekurangan pekerja-pekerja buruh, khususnya di sektor perladangan dan pembinaan. Kita akan menimbangkan segala permohonan yang dibuat oleh pihak majikan untuk memasukkan pekerja-pekerja dari negara jiran, khususnya daripada negara Indonesia dan juga negara Thailand.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada masanya telah tiba bagi pihak Kerajaan untuk mengkaji semula dasar terbukanya tentang pengambilan buruh negara asing ataupun negara jiran untuk bekerja di negara kita, memandangkan bahawa baru-baru ini banyak pertubuhan-pertubuhan, termasuk kalau tidak silap saya, Biro Buruh UMNO Malaysia yang mendesak pihak Kerajaan memandangkan masalah pengangguran yang tersedia wujud di negara kita dan

memandangkan kepada perkara ini sama ada pihak Kerajaan akan mengkaji semula.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang diakui bahawa kita kekurangan buruh di ladang-ladang dan juga di tempat-tempat pembinaan. Tetapi kita juga sedari bahawa walaupun terdapat ramai pemuda-pemuda di negara kita, mereka enggan untuk bekerja sebagai buruh-buruh di ladang-ladang tersebut. Di sebaliknya kita juga akui bahawa pihak-pihak majikan seperti Persatuan Majikan-majikan Malaysia mendesak Kerajaan supaya mengambil satu tindakan menghalalkan, dengan izin, mereka yang telah masuk secara haram kerana ini mengakibatkan ekonomi negara kita. Jadi, pihak Kementerian masih mengkaji, pihak Kementerian berada dalam keadaan dilema mengkaji di sebelah pihak untuk menghalalkan pendatang-pendatang yang datang secara haram dan juga untuk menggalakkan pemuda-pemuda negara kita masuk bekerja di ladang-ladang sebagai buruh.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

17. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengemukakan cadangan-cadangan untuk mengadakan perhubungan yang lebih rapat dengan China semasa lawatan akan datang Perdana Menteri ke China hujung tahun ini khasnya dalam ertikata perdangangan dengan China yang mempunyai pasaran eksport yang begitu luas bagi Malaysia.

9-4-85

31. **Tuan Seow Hun Khim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau melawat negeri China nanti, apakah tinjauan beliau terhadap pasaran besar China dan apakah rancangan-rancangan beliau untuk meningkatkan perdagangan dengan

negeri China memandangkan perhubungan luar negeri kita adalah berasaskan kepada faktor ekonomi.

10-4-85

6. Dato Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri untuk menyatakan sama ada Yang Amat Berhormat telah mengambil keputusan untuk melawat ke negeri China secara rasmi dalam tahun ini dan jika ya, bila dan apakah perkara yang dikemukakan dan dibincangkan di antara Yang Amat Berhormat dengan pemimpin-pemimpin China.

41. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan bilakah beliau berhasrat melawat Republik Rakyat China, apakah perkara-perkara yang beliau ingin bincangkan dengan pemimpin-pemimpin negara tersebut dan sama ada lawatan beliau ke Republik Rakyat China itu adalah semata-mata bahan untuk tujuan propaganda dan berkempen untuk pilihanraya umum yang akan datang.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pada 9-4-85, Yang Berhormat dari Beruas pada 10-4-85 dan Yang Berhormat dari Sandakan pada 11-4-85, yang mana soalan-soalan ini mempunyai tujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sebagaimana kita sedia maklum, Perdana Menteri telah pun memutuskan untuk melawat negeri China pada penghujung tahun ini di atas jemputan Perdana Menteri China.

Buat masa ini masih terlalu awal untuk saya menyatakan dengan tepat tentang perkara-perkara yang akan dibincangkan oleh kita dengan pihak Kerajaan Negeri China. Namun

demikian, sebagai biasa sudah tentulah kita akan membincangkan isu-isu hubungan dua hala antara negara kita dengan negeri China. Di samping itu pihak kita juga akan mengambil peluang ini untuk membincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu serantau serta antarabangsa.

Sebagaimana yang kita sedia maklum soal perdagangan dengan negeri China sedang diperbincangkan dengan hangatnya sekarang ini. Sudah tentulah pihak kita akan membincangkan dengan lebih mendalam bagaimana pihak rakyat kita dapat mengambil peluang dari pembangunan negeri China sesuai dengan sikap dan dasar-dasar barunya sekarang ini. Kita juga pasti akan memujuk negeri China untuk membeli lebih banyak lagi barangan kita. Sebagai persediaan ke arah ini dan juga agar lawatan Perdana Menteri kita akan mencapai kejayaan yang sebesar-besarnya, maka pihak Kerajaan telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji segala aspek hubungan kita dengan negeri China khususnya tentang cara yang seelok-eloknya untuk kita berdagang dengan negara itu tanpa menjejaskan keselamatan kita ataupun menghindarkan usaha-usaha kita bagi memujuk sebuah bangsa Malaysia yang saksama serta bersatu-padu. Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh saya sendiri dan laporannya telah pun siap dan akan dibentangkan kepada Jumaah Menteri untuk perbincangan dan keputusan mereka dalam sedikit masa lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, dengan jemputan Perdana Menteri China ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah merupakan satu jemputan yang baik pada lahirnya, tetapi adakah kita memberi syarat atau memberi sesuatu

perkara supaya negara China ini memutuskan hubungannya atau sokongan moralnya kepada Parti Komunis Malaya ada sekarang dan juga sebarang rundingan atau sebarang hubungan yang lebih rapat akan dapat dilakukan ataupun lawatan ini akan dilaksanakan setelah kenyataan Perdana Menteri China itu dapat diberi kepada kita.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, negara China adalah sebuah negara yang terlalu besar untuk kita abaikan hubungan kita dengan mereka. Begitu juga negeri China lebih-lebih lagi dengan dasarnya yang ada sekarang ini memberi peluang yang begitu banyak kepada pedagang-pedagang kita untuk mendapat keuntungan. Tidak boleh dinafikan bahawa negara China masih mempunyai sesuatu dasar yang membimbangkan kita dan tidak boleh dinafikan juga ada kemungkinan kalau kita membuka peluang, maka negeri China akan campurtangan dalam hal ehwal negara kita dan ini akan menjejaskan usaha-usaha kita untuk memupuk suatu bangsa Malaysia yang bersatupadu. Jadi, apa yang kita juga memikirkan sekarang ini adalah untuk mencari suatu dasar, suatu bentuk hubungan yang telah pun membimbangkan semua kepentingan-kepentingan tadi dan mencari satu formula yang akan membawa kebaikan yang sebesar-besarnya.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu jikalau negeri China hendak memperluaskan lagi perhubungan dengan negara kita, sebelum negeri China membeli hasil-hasil keluaran negeri kita, apakah tindakan Kerajaan akan ambil?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang balik sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Minta ulangkan semula.

Tuan Chan Kok Kit: Jikalau negara China hendak memperluaskan lagi hubungannya dengan negara kita, sebelum negara China membeli hasil keluaran kita, apakah tindakan Kerajaan?

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan, kita telah pun mengkaji dengan cara mendalam segala aspek hubungan kita dengan negara China dan juga memperimbangkan segala kepentingan kita atau segala kepentingan yang saya sebutkan tadi.

Dalam kajian itu, kita telah juga membuat berbagai-bagai cadangan, syor untuk memperbaiki lagi hubungan kita dengan negeri China, memudahkan lagi para pedagang kita untuk berdagang dengan negeri China tanpa menjejaskan keselamatan kita ataupun kepentingan kita yang lain-lain. Perkara ini akan diumumkan apabila Kabinet telah memutuskan kemudian nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

(Soalan No. 18 Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Edmund Langgu anak Saga.

(Soalan No. 19 Y.B. Datuk Edmund Langgu anak Saga tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Ibrahim bin Wan Abdullah.

(Soalan No. 20 Y.B. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah tidak hadir)

GURU BESAR SEKOLAH— KENAIKAN PANGKAT

21. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah sekolah-sekolah menengah rendah dalam negara ini (setakat 31-12-84) yang guru besarnya dipenuhi oleh guru-guru Kategori C1 dan D1. Oleh kerana kenaikan pangkat bagi guru-guru Kategori C1 ini terhad, adakah Kerajaan bercadang supaya jawatan guru besar di sekolah menengah rendah ini diberi kepada guru-guru Kategori C1 yang berpengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun, nyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memberi peluang kenaikan pangkat kepada guru-guru tersebut (C1).

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sekolah-sekolah Menengah adalah ditarafkan atas Gred A, B, C dan D. Sungguhpun begitu sekolah-sekolah menengah Gred C dan Gred D boleh dianggap sebagai Sekolah Menengah Rendah.

Setakat 31-12-84 jumlah Sekolah Menengah Gred C dan Gred D di seluruh Malaysia ialah 312 buah. Guru-guru Besar di sekolah-sekolah tersebut terdiri daripada guru-guru dalam kategori C1, iaitu Kategori C1 Tingkatan Tertinggi bagi Sekolah Menengah Gred C dan Kategori C1 Tingkatan Khas bagi Sekolah Menengah Gred D. Kesemua mereka mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam kategori C1.

Kementerian Pelajaran memang mengkaji dari masa ke semasa untuk membanyakkan lagi jawatan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran. Ini termasuklah bagi mereka dalam kategori C1.

KEMUDAHAN ASAS DI KAMPUNG-KAMPUNG

22. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sehingga akhir tahun 1984 jika diukur dari segi peratus kampung, berapa peratuskan kampung-kampung yang telah mendapat kemudahan-kemudahan asas iaitu Bekalan Elektrik Luar Bandar, Kemudahan Jalan Kamplung/ Jalan Luar Bandar dan Bekalan Air Luar Bandar bagi kampung yang memerlukan bekalan air. Adakah Kementerian telah mengenalpasti ke semua kampung dan bilakah matlamat Kementerian untuk mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut bagi keseluruhan kampung-kampung yang telah pun sedia wujud sekarang ini.

Tuan Mohd. Tajol bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan Yang Berhormat itu, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian saya sentiasa memberi keutamaan untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik luar bandar, jalan-jalan luar bandar, jalan-jalan kampung dan juga bekalan air luar bandar.

Sehingga akhir tahun 1984 hampir-hampir 41% daripada jumlah kampung-kampung di kawasan luar bandar telah mendapat kemudahan bekalan elektrik dan 56.7% bekalan air.

Sebahagian besar daripada kampung-kampung yang wujud di negara ini juga telah mendapat kemudahan asas jalan-jalan luar bandar dan juga jalan-jalan kampung. Tetapi sepertimana Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan menghadapi masalah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas tersebut kepada semua kampung-kampung yang terlalu terpencil, oleh kerana kos

untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas ke kampung-kampung tersebut adalah terlalu tinggi.

Bagi mengatasi masalah tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengemukakan konsep baru mengenai pembangunan kampung dan luar bandar, iaitu dengan cara mengelompokkan kampung-kampung yang kecil dan terpencil ke satu kampung yang lebih besar supaya pemberian kemudahan-kemudahan asas tersebut dapat dibekalkan dengan lebih ekonomi dan teratur. Kementerian ini telah mengenal pasti sebahagian besar daripada kampung-kampung di luar bandar yang memerlukan kemudahan-kemudahan asas dan berhasrat untuk membekalkan kemudahan asas itu seberapa segera yang boleh, tetapi kadar pelaksanaannya adalah tergantung kepada kedudukan kewangan negara.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperkenalkan konsep kampung kelompok. Jadi, setakat ini berapa unitkah kampung-kampung yang terlibat yang telah dapat dikenal pasti untuk dijadikan sebagai kampung kelompok supaya kemudahan-kemudahan asas ini dapat diberi dengan lebih baik lagi?

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini 27 kampung-kampung telah pun dikenal pasti oleh pihak Kementerian dan pihak Kementerian akan bekerjasama dengan Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Negeri-negeri yang berkenaan untuk melaksanakan konsep kampung-kampung berkelompok ini.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Setiausaha Parlimen sebentar tadi mengatakan hanya kita dapat melaksanakan 41% sahaja keperluan-keperluan asas seperti jalan, elektrik dan sebagainya itu setelah kita mencapai kemerdekaan selama 27 tahun, bermakna kita ada 59% lagi hendak dilaksanakan. Apakah ada satu perangkaan yang dirangka oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan untuk menghabiskan 59% ini mengambil masa berapa tahun?

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum selepas kita mencapai kemerdekaan banyak lagi bekalan elektrik hidro dan janakuasa elektrik telah pun dibangunkan oleh Kerajaan dan insya Allah, menjelang tahun 2,000 maka kita akan dapat membekalkan hampir-hampir 80% negara kita ini dengan bekalan air dan lebih tinggi lagi peratusannya dengan bekalan elektrik.

PAKAR PERBUATAN BUMIPUTERA

23. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengseimbangkan kedudukan doktor Bumiputera dalam perkhidmatan kesihatan mengikut bahagian-bahagian tertentu seperti ortopidik, urology, neurology dan lain-lain. Sila berikan perangkaan jumlah doktor-doktor di bahagian-bahagian mengikut keturunan.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan Yang Berhormat tertumpu kepada aspek-

aspek kepakaran, sukacita saya menyatakan kedudukan pakar-pakar perubatan di bidang Otopidik, Urology dan Neurology seperti berikut:

	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Otopidik	—	2	10	—
Urology	2	—	—	1
Neurology	2	—	—	—

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang menyedari akan ketidakseimbangan mengikut kaum mengenai kedudukan pakar-pakar Bumiputera. Langkah-langkah yang sedang dan telah diambil ialah dengan menghantar lebih ramai pegawai perubatan Bumiputera yang layak untuk mengikuti kursus kepakaran di dalam dan juga di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 6, 8, 18, 19, 20 dan 24 hingga 42 adalah diberi di bawah ini).

FELDA—KEMUDAHAN ASAS RANCANGAN

5. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar tentang keadaan kemudahan-kemudahan asas, terutamanya jalan-jalan dalam rancangan-rancangan FELDA yang buruk. Berapa banyak rancangan-rancangan sebegitu dan berapa ramai peneroka-peneroka yang

terlibat. Adakah benar Kementeriaannya tidak mempunyai peruntukan untuk membaiki dan mengadakan jalan-jalan yang sewajarnya dalam rancangan-rancangan FELDA;

- (ii) sama ada beliau sedar terdapat rancangan-rancangan FELDA yang tinggi kos pembangunannya kerana tanaman kurang subur/berjaya, "stem per acre" rendah dan ini menyebabkan bayaran balik peneroka-peneroka lebih tinggi. Berapakah rancangan-rancangan yang seperti itu dan apakah cara untuk meringankan beban bayar balik peneroka-peneroka yang terlibat.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datok Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):

- (i) Sukalah saya menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa saya amat menyedari bahawa terdapat di sebilangan rancangan FELDA adanya keadaan kemudahan asas terutamanya jalan-jalan berada dalam keadaan yang kurang memuaskan.

Untuk makluman Yang Berhormat semua jalan masuk dan jalan di perkampungan FELDA adalah dibina oleh JKR. Apabila jalan-jalan ini siap, penjagaan seterusnya adalah juga dijalankan oleh JKR, iaitu oleh Unit Penyelenggaraan JKR Negeri. Sehingga 31hb Disember, 1984, pihak JKR telah pun menyiapkan sepanjang 805 km. jalan masuk dan 1,436 km. jalan perkampungan FELDA di seluruh negara. Dari jumlah

ini sepanjang 426 km. jalan-jalan masuk dan 353 km. jalan perkampungan FELDA telah dinaikkan taraf menjadi jalan tar.

Setakat hari ini pihak FELDA telah dapat mengenal pasti sebanyak 28 buah perkampungan FELDA dengan peneroka seramai 10,838 orang di mana jalan-jalan kampungnya mengalami kerosakan teruk.

Berhubung dengan peruntukan untuk membaiki dan mengadakan jalan yang sewajarnya; oleh kerana keadaan ekonomi negara hari ini maka peruntukan sejumlah \$25 juta telah diluluskan oleh Kerajaan bagi tujuan membaiki dan penyelenggaraan jalan-jalan bagi tahun 1985 ini. Peruntukan ini hanya mampu bagi menambak semula tanah merah ("laterite") tetapi tidak ke taraf jalan tar dan sebanyak \$3 juta sebagai peruntukan tambahan dari pihak JKR untuk melaterite semula jalan-jalan kampung FELDA yang telah lama dibina dan mengalami kerosakan teruk.

- (ii) Berhubung dengan soalan kedua, saya memang sedar terdapat rancangan-rancangan FELDA yang tinggi kos pembangunannya, tetapi ianya tidaklah hanya disebabkan oleh kerana tanaman kurang subur atau kurang berjaya dan "dirian pokok seekar" ("stand per acre") rendah yang menyebabkan bayaran balik peneroka-peneroka lebih tinggi. Kos pembangunan sesuatu rancangan adalah merupakan rangkuman segala perbelanjaan sebenar yang perlu dibayar

kembali oleh setiap orang peneroka kerana memajukan kawasan ladang, tapak rumah, harga rumah dan pinjaman-pinjaman tunai. Kos pembangunan yang tinggi bagi beberapa buah rancangan adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhinya seperti kedudukan tempat (lokasi), keadaan muka bumi — tinggi rendah, paya, bukit (topografi) dan kesan inflasi.

Adalah sukar untuk menjelaskan di sini bilangan rancangan yang kos pembangunannya tinggi kerana nilai penentuannya adalah terlalu "relative" dan ianya mempengaruhi perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi.

MARDI—FUNGSI BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKANAN

6. Tuan Mohd. Idris bin Mohd Basri minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan perusahaan tradisional di negara ini masih di peringkat kecil-kecilan, apakah peranan dan fungsi yang dimainkan oleh Bahagian Teknologi Makanan MARDI dalam mencari teknologi pemerosesan secara saintifik untuk mengatasi berbagai masalah dari segi mutu, pembungkusan penyimpanan dan pemasaran yang telah melambatkan perkembangan industri ini dan setakat ini berapa jenis makanan tradisional telah dikaji dan juga perkembangan seterusnya.

Dr Goh Cheng Teik: Bahagian Teknologi Makanan MARDI bertanggungjawab menjalankan penyelidikan saintifik dan seterusnya mencipta teknologi-teknologi yang sesuai bagi memaju dan memesatkan perkembangan perusahaan tradisional negara terutama dalam bidang memproses makanan. Aspek-aspek kajian yang diberi tumpuan utama ialah asas-asas memproses makanan

tradisional secara saintifik, penentuan dan pemeliharaan mutu makanan, pembungkusan dan penyimpanan, pengeluaran yang cekap dengan penggunaan mesin-mesin dan pemindahan teknologi kepada usahawan-usahawan. Setakat ini MARDI telah pun menyempurnakan kajian mengenai 16 jenis makanan tradisi yang dapat diusahakan secara moden dan teknologi-teknologi ini telah pun dipindahkan kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Selain dari itu kajian-kajian sedang giat dijalankan ke atas 14 jenis makanan tradisional lagi yang kini sedang berada diberbagai peringkat pencapaian kajian. Hasil-hasil kajian ini kelak juga akan dipindahkan kepada usahawan-usahawan tempatan.

KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

8. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa kempen "Beli Barangan Malaysia" menghadapi penentangan konsumer kerana kekurangan kualiti dan harga yang tidak kompetitif barang-barang tersebut.

Dato Oo Gin Sun: Kementerian saya tidak pernah menerima apa-apa aduan atau laporan dari mana-mana pihak pun bahawa Kempen Belilah Barangan Malaysia mendapat tentangan dari pengguna-pengguna. Kempen yang kita jalankan sekarang adalah untuk mengingatkan dan menyedarkan masyarakat tentang adanya barangan yang dikeluarkan oleh negara sendiri yang setaraf atau lebih baik dari segi mutu berbanding dengan barangan yang diimport. Kempen ini bukan sahaja diarahkan kepada pengguna-pengguna tetapi juga diarahkan kepada pengeluar-pengeluar tempatan. Pengeluar-pengeluar tempatan dikehendaki mengenakan barang-barang mereka yang bermutu tinggi yang telah mendapat pasaran

antarabangsa kepada pengguna-pengguna tempatan. Pengeluar-pengeluar tempatan dikehendaki juga meningkatkan mutu barangan mereka dan memasarkannya dengan jumlah yang mencukupi dan harga yang kompetitif. Persaingan sesama pengeluar tempatan dan di antara barang tempatan dengan barang import akan terus ujud. Tidak ada sebab mengapa saranan-saranan seperti ini harus ditentang oleh pengguna-pengguna.

TELEFON ATUR—KAWALAN HARGA

18. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kenapakah kos telefon ATUR terlalu mahal. Apakah rancangan Kementerian untuk mengawal harga alat ini ke paras yang manasabah supaya kemudahan ini dapat dinikmati oleh lebih ramai rakyat Malaysia.

Tuan Au How Cheong: Saya memang sedar bahawa kos alat radas (therminal set) telefon ATUR pada masa ini adalah agak tinggi berbanding dengan telefon biasa. Ini tidak dapat dinafikan kerana ianya adalah merupakan suatu perkhidmatan dan juga teknologi baru. Sehubungan dengan ini Kementerian saya sememangnya sedang mengambil tindakan untuk memberikan lebih banyak kelulusan jenis "type approval" kepada alat radas telefon ATUR dengan tujuan untuk mewujudkan persaingan di antara pembekal-pembekal alat radas telefon ATUR. Dengan bertambahnya bilangan jenis alat radas telefon ATUR yang terdapat di pasaran, adalah diharapkan kosnya akan menjadi lebih murah. Kementerian saya tidak dapat bertindak secara langsung untuk mengawal harga alat radas telefon ATUR ini kerana ianya adalah bercanggah dengan dasar perdagangan bebas yang diamalkan di negara ini.

**BAHASA IBAN—TERJEMAHAN
BUKU DEWAN BAHASA**

19. Datuk Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Dewan Bahasa dan Pustaka kini bersedia untuk menterjemahkan buku dalam bahasa Iban atau bahasa Bumiputera lain.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun mengadakan rancangan untuk menerbitkan buku-buku Bahasa Malaysia yang di terjemahkan daripada sumber-sumber bahasa daerah, khususnya bahasa-bahasa daerah di Sabah dan Sarawak yang bermula pada tahun 1980. Sehingga kini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menterjemahkan 48 karya daripada bahasa-bahasa daerah di Sarawak sahaja, iaitu 18 daripada sumber bahasa Iban, 5 daripada sumber Bahasa Bidayuh dan 25 daripada sumber Bahasa Melanau. Sebanyak 5 karya telah diterbitkan. Untuk rancangan selanjutnya, Dewan Bahasa dan Pustaka sedang berusaha mengenal pasti karya-karya yang utama daripada sumber-sumber Bahasa daerah yang lain di Sarawak dan Sabah untuk diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia.

**PENERBANGAN TERUS KOTA
BAHRU—SINGAPURA**

20. Wann Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang mengadakan perkhidmatan penerbangan terus dari Kota Bharu ke Singapura;
- (b) adakah Kerajaan bercadang menjadikan Kota Bharu sebagai pintu masuk (point of entry) ke Malaysia bagi penerbangan-penerbangan antarabangsa dari sebelah timur.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):

- (a) Pada masa ini Kerajaan tiada ada cadangan untuk mengadakan perkhidmatan terus di antara Kota Bharu dan Singapura memandangkan keperluan perjalanan pada sektor ini boleh diadakan melalui penerbangan-penerbangan dari Kuala Kuala.
- (b) Kerajaan tidak ada cadangan pada masa ini untuk menjadikan Lapangan Terbang Kota Bharu sebagai lapangan terbang antarabangsa dan pintu masuk ke Malaysia memandangkan negara telah pun mempunyai empat lapangan terbang antarabangsa sebagai pintu masuk ke negara iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching.

**Y.B. DR ONG HEAN TEE—
ADUAN KEROSAKAN**

24. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak Polis Pulau Pinang telah menyelesaikan penyiasatan berikutan aduan terhadap Y.B. Dr Ong Hean Tee kerana merosakkan harta Kerajaan, jika ya, supaya menyatakan sama ada sebarang tuduhan akan dikenakan terhadap beliau.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perbicaraan ke atas kes ini telah pun selesai pada 30-3-85 dan keputusannya telah diketahui umum. Saya tidaklah bercadang untuk memberi penjelasan lagi di dalam dewan yang mulia ini.

**BURUH THAILAND KE
MALAYSIA**

25. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: minta Menteri Dalam Negeri

menyatakan kenapakah buruh-buruh Thailand tidak digalakkan untuk bekerja di Malaysia sebagaimana diberi galakan kepada buruh-buruh dari Indonesia.

[Sila lihat jawapan No. 16]

PENYELUDUPAN DADAH KEPADA ASKAR/POLIS

26. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai jumlah anggota-anggota askar dan polis yang telah ditangkap oleh pihak berkenaan kerana terlibat dalam aktiviti-aktiviti dadah. Di antaranya, berapakah telah dihukum dan apakah langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk mencegah penyeludupan dadah di kalangan askar dan polis. Sama ada benar Kerajaan telah pun mengetahui cara-cara yang utama menyeludup dadah di kalangan tersebut.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1980 hingga 1984 seramai 1,372 anggota-anggota tentera dan 253 anggota-anggota polis telah ditangkap kerana terlibat di dalam aktiviti-aktiviti dadah. Dari jumlah tersebut seramai 1,082 anggota-anggota tentera dan 250 anggota-anggota polis telah dihukum.

Anggota polis dan tentera diberi ceramah dan kursus dari masa ke semasa untuk mengenalpasti penagih-penagih dadah serta keburukan penyalahgunaan dadah. Bagi tujuan untuk memastikan anggota-anggota pasukan keselamatan ini bebas dari penagihan dadah, pemeriksaan mengejut di berek-berek tentera dan begitu juga dengan pemeriksaan air kencing terus dijalankan. Agensi-agensi penguatkuasa juga sentiasa bekerjasama untuk memastikan bahawa dadah tidak jatuh di tangan anggota polis dan tentera. Kerjasama yang erat inilah menghasilkan

beberapa tangkapan terhadap anggota-anggota yang terlibat.

Sukalah saya menegaskan bahawa anggota-anggota tentera dan polis adalah tidak terlepas dari tindakan undang-undang jika terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Selain dari tindakan mahkamah, mereka juga diberhentikan kerja.

PUSAT PELAJARAN

27. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah usaha-usaha telah dibuat bagi mengadakan Pusat-pusat Pelajaran yang lebih sempurna di kawasan-kawasan luar bandar bagi murid-murid di peringkat rendah seperti yang dialami oleh kanak-kanak di bandar dan juga pelajar-pelajar Menengah di Asrama-asrama Penuh, jika tidak mengapa.

Tuan Bujang bin Haji Uli: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sememangnya berusaha untuk memperbaiki mutu pelajaran di kawasan luar bandar. Misalnya dalam Rancangan Malaysia Kedua, Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Keempat, 85.4% daripada peruntukan pembangunan pelajaran rendah telah disalurkan kepada program pembangunan sekolah rendah di kawasan luar bandar. Dalam peruntukan bagi pelajaran menengah pula, secara purata dua pertiga daripada peruntukan tersebut telah disalurkan kepada kawasan luar bandar.

RUMAH PANGSA/RUMAH RAKYAT

28. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bentuk dan tatatur rumah-rumah rakyat yang terdapat dinegara ini tidak mementingkan nilai ke arah

mengujudkan rakyat yang berfikiran tenang dan terbuka memandangkan suasana keliling yang menghimpit dan tidak mendatangkan ketenangan jiwa penghuni-penghuni berbanding dengan rumah-rumah pangsa yang terdapat di negara maju.

Puan Napsiah binti Omar: Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa keadaan di Malaysia adalah berlainan daripada kedudukan di negara-negara yang maju. Oleh itu, adalah tidak wajar membuat perbandingan di antara rumah-rumah pangsa di negara maju, dan rumah-rumah awam kos rendah di negara ini. Perbezaan ini adalah lebih ketara sekali jika dilihat dari segi pendapatan penduduk. Seorang yang pendapatannya tinggi sudah tentulah mampu membeli rumah-rumah besar yang mahal harganya.

Mengenai bentuk dan tatatur rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah awam kos rendah di negara ini pula, adalah tidak benar bahawa ianya tidak mementingkan nilai yang mengujudkan rakyat yang berfikiran tenang dan terbuka. Penentuan-penentuan yang dikenakan bertujuan untuk menjamin mutu yang tinggi kerana penentuan-penentuan itu sejajar dengan apa yang dikenakan bagi seluruh negara. Penentuan-penentuan itu mematuhi syarat-syarat atau Undang-undang Kecil Bangunan. Di samping itu, Kementerian juga sedang mengemaskinikan deraf Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) yang dijangka akan dapat dikemukakan untuk kelulusan Kabinet tidak berapa lama lagi sebelum ianya dapat diterimapakai di seluruh negara. Langkah ini adalah juga selaras dengan objektif Kerajaan untuk memberi kesenangan dan keselesaan hidup rakyat khususnya dalam aspek kemudahan perumahan. Selain daripada itu, menerusi Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian telah mengeluarkan

Piawaiian Perancangan (Planning Standards) yang menentukan keperluan minima dari segi pembekalan/penyediaan kemudahan asas mengikut jumlah penduduk yang tinggal disesebuah projek perumahan itu. Antara lain, kemudahan ini adalah meliputi keperluan-keperluan seperti sekolah, hospital, kedai, masjid, Pejabat Pos, kawasan lapang (rekreasi) dan lain-lain yang bertujuan untuk mengujudkan suatu persekitaran yang sempurna, selesa dan terpelihara. Rumah-rumah awam kos rendah juga disediakan dengan kemudahan-kemudahan sosial asas yang sesuai seperti taman permainan kanak-kanak, kedai, dewan serbaguna, taman didikan kanak-kanak, klinik kesihatan, sekolah, surau dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan ini disediakan untuk memberi keselisaan hidup kepada penghuni di samping memberi peluang kepada mereka untuk mententeramkan fikiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pakar-pakar dari badan-badan dunia dalam bidang pendudukan manusia termasuklah United Nations Centre on Human Settlements (UNCHS), satu Pusat Pendudukan Manusia Bangsa-bangsa, sangat kagum dengan mutu tinggi yang terdapat dalam rancangan perumahan awam kos rendah negara ini. Pelawat-pelawat dari luar negeri termasuklah Menteri-menteri Perumahan yang datang ke negara ini sama ada dari negara-negara membangun atau dari negara-negara maju pun telah memuji usaha-usaha yang dijalankan oleh negara kita dalam bidang perumahan awam kos rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, rumah-rumah pangsa didirikan hanya di bandar-bandar besar di mana harga tanah adalah tinggi. Itu pun seboleh-bolehnya rumah pangsa yang didirikan ialah rumah pangsa 3 atau 4 tingkat sahaja

yang tidak menggunakan lif. Di tempat-tempat lain yang harga tanahnya tidak begitu tinggi, rumah-rumah awam kos rendah yang dibina ialah yang berbentuk rumah deret atau rumah sesebuah.

KOMPLEKS TABUNG HAJI— RUANG SEWA

29. Tuan Khadri bin Sabran minta Perdana Menteri menyatakan berapa peratuskah ruangan-ruangan pejabat di Kompleks Tabung Haji di Jalan Tun Abdul Razak telah ditempah untuk disewa.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Bangunan Kompleks Tabung Haji di Jalan Tun Razak dijangka akan disiapkan pada 27hb April, 1985 dan akan disewakan mulai 1hb Jun, 1985.

Dari jumlah 30 tingkat yang akan digunakan sebagai ruang pejabat, 13 tingkat akan digunakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan anak-anak syarikatnya. Manakala sejumlah 17 tingkat lagi telah dipelawa kepada orang ramai untuk disewakan. Sehingga hari ini, 20 tingkat yang merupakan 66.6% daripada keseluruhan ruang pejabat telah ditempah untuk disewa termasuk 13 tingkat yang akan digunakan oleh Tabung Haji.

PEJABAT PENDAFTARAN DI KLUANG—PEMINDAHAN

30. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bila Kementerannya akan menimbang memindahkan Pejabat Pendaftaran di Kluang yang sangat kecil dan tidak dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat di Kawasan Kluang dari pejabatnya yang ini ke satu Pejabat yang lebih besar.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Pejabat Pendaftaran Negara Daerah Kluang sekarang memang kecil dan

sempit. Namun demikian perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai adalah baik dan memuaskan.

Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji cadangan untuk memindahkan Pejabat Pendaftaran Negara, Daerah Kluang ke bangunan yang lebih besar apabila keadaan kewangan negara mengizinkan nanti.

PERTUMBUHAN SEKTOR PERKILANGAN

31. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada matlamat Kerajaan supaya sehingga akhir tempoh Rancangan Malaysia keempat sektor perkilangan akan menyumbangkan 23.9% kepada keluaran Negara Kasar (KNK) dan berkembang pada kadar 11% telah tercapai. Jika tidak, mengapa, dalam tempoh yang sama, adakah matlamat Kerajaan supaya penglibatan sektor swasta merupakan 72.2% dari jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan telah tercapai. Jika tidak, mengapa.

Dato Oo Gin Sun: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, matlamat asal yang ditetapkan bagi pertumbuhan sektor perkilangan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME), 1981-1985, adalah sebanyak 11.0 peratus setahun. Sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar adalah juga ditetapkan sebanyak 23.9 peratus dalam tahun 1985. Walau bagaimanapun, suatu penilaian terhadap prestasi sektor perkilangan menunjukkan bahawa kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan dan pertumbuhan permintaan luar negeri yang lembab telah memberi kesan yang buruk kepada perkembangan sektor perkilangan dalam tempoh 1981-1983. Dalam tempoh tiga tahun pertama RME kadar pertumbuhan untuk sektor perkilangan adalah 4.9 peratus sahaja

sementara sumbangannya kepada keluaran Dalam Negeri Kasar adalah dijangka sebanyak 18.0 peratus dalam tahun 1983.

Berasas kepada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dan juga oleh sebab kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan, matlamat-matlamat untuk sektor perkilangan bagi tempoh 1984-1985 adalah dikaji semula. Untuk tempoh tersebut, kadar pertumbuhan setahun bagi perkilangan adalah ditetapkan semula menjadi 7.7 peratus sementara sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar adalah dianggarkan menjadi 18.3 peratus dalam tahun 1985.

Dalam tempoh RME, sektor swasta adalah dimatlamatkan memberi sumbangan sebanyak 72.2 peratus daripada jumlah pelaburan dalam semua sektor dan bukan dalam sektor perkilangan sahaja. Untuk tempoh 1981-1983, sumbangannya kepada jumlah pelaburan adalah lebih rendah daripada yang telah dijangkakan, iaitu hanya 62.0 peratus dari jumlah pelaburan dalam tahun 1983. Pencapaian yang lebih rendah ini disebabkan, antara lain, oleh kemelesetan ekonomi dunia yang mengakibatkan kekurangan dalam peluang-peluang perindustrian dan pasaran-pasaran yang terhad. Berasaskan kepada Kajian Separuh Penggal RME, pelaburan swasta adalah dijangka bertambah dalam tahun 1984-1985 dengan sumbangannya yang dijangka meningkat kepada 70.0 peratus dalam tahun 1985.

BANK BUMIPUTRA—AKAUN PINJAMAN LAPUK

32. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan akaun pinjaman-pinjaman yang tidak mempunyai sekuriti yang diberi kepada ahli-ahli politik dan orang-

orang di tempat atasan oleh Bank Bumiputra sejak penubuhannya, akaun pinjaman lapuk dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mendapatkan balik pinjaman-pinjaman lapuk dan pinjaman-pinjaman tanpa sekuriti yang "longstanding".

(Sila lihat jawapan No. 41 1-4-85)

NISBAH PAKAR DAN DOKTOR

33. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan nisbah antara doktor dan pakar di (i) Sabah, (ii) Sarawak dan (iii) Semenanjung Malaysia setakat Februari 1985 dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk membaiki kemudahan-kemudahan perubatan di Sabah yang telah merosot dan sama ada beliau telah menerima suatu memorandum daripada Sabah mengenai keadaan perubatan yang merosot di negeri tersebut dan responnya kepada memorandum tersebut.

Tuan Yeoh Poh San: Nisbah pakar dan doktor di Semenanjung Malaysia ialah 1:5, di Sabah 1:7 dan di Sarawak 1:4.

Nisbah pakar-pakar di Semenanjung adalah lebih baik memandangkan bahawa bilangan pakar-pakar tersebut adalah termasuk pakar-pakar yang terlibat dengan pengajian, rujukan dan penyelidikan perubatan.

Walau bagaimanapun, pesakit-pesakit dari Sabah dan Sarawak adalah juga dirujuk ke Hospital Besar Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan lanjutan jika perlu.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri Sabah telah mengemukakan satu memorandum untuk meningkatkan lagi

perkhidmatan perubatan di negeri itu dan syor-syornya sedang mendapat perhatian.

Sebenarnya, perkhidmatan perubatan bagi negeri Sabah adalah tidak merosot jika diteliti kemajuan-kemajuan yang dicapai sejak beberapa tahun yang lepas. Sebagai contoh, bilangan pakar-pakar perubatan, pegawai-pegawai perubatan, pegawai-pegawai pergigian dan kejururawatan yang ada di negeri Sabah pada masa ini adalah jauh lebih baik berbanding dengan keadaan dalam tahun-tahun yang lalu.

Mengenai jawatan pakar-pakar perubatan, bilangannya telah meningkat dari 5 orang pakar di tahun 1965 kepada 11 orang di tahun 1975 dan 15 di tahun 1983. Manakala pegawai-pegawai perubatan terdapat 29 orang pegawai perubatan di tahun 1965, 41 di tahun 1975, 85 di tahun 1983 dan 109 di tahun 1985. Demikian juga dengan kakitangan kejururawatan di mana terdapat 289 kakitangan jururawat di tahun 1965, 851 di tahun 1975 dan 1673 di tahun 1984.

Dari segi kemudahan-kemudahan hospital misalnya bilangan katil telah bertambah dengan banyaknya sejak beberapa tahun lepas seperti berikut:

1965	1,244
1975	1,911
1983	2,534

Taraf kesihatan penduduk-penduduk di negeri Sabah telah juga mengalami kemajuan misalnya kadar kematian bayi telah berkurangan dari 36.1 di tahun 1965 kepada 26.8 di tahun 1975 dan 23.8 di tahun 1983.

Buat masa ini, lebih ramai lagi penduduk-penduduk negeri Sabah telah menggunakan dan menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan. Bilangan pesakit luar telah

meningkat dari 462,052 di tahun 1970 kepada 1,232,128 di tahun 1983. Bilangan pesakit dalam turut juga meningkat dari 41,172 di tahun 1970 kepada 96,287 di tahun 1983.

Walaupun perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negeri Sabah telah mencapai banyak kemajuan, Kementerian Kesihatan sedar bahawa kemajuan ini perlu ditingkatkan lagi. Pada amnya Kementerian Kesihatan menghadapi kekurangan tenaga manusia khususnya bagi pakar-pakar dan pegawai-pegawai perubatan. Juga disebabkan oleh keadaan ekonomi sekarang, keupayaan Kementerian Kesihatan melaksanakan berbagai projek untuk memperbaiki perkhidmatannya adalah terhad.

Sungguhpun demikian, Kementerian Kesihatan akan memberi perhatian kepada perkara ini dan langkah-langkah juga akan diambil pada tiap-tiap tahun untuk memperbaiki dan meningkatkan perkhidmatan perubatan di negeri Sabah tertakluk kepada keupayaan Kementerian ini.

AKTA GALAKAN PELABURAN— KAJIAN

34. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji Akta Galakan Pelaburan (1968) supaya ia digubal selaras dengan keperluan bagi perkembangan ekonomi negara kita.

Dato Oo Gin Sun: Kerajaan ketika ini sedang mengkaji semula Akta Galakan Pelaburan, 1968 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Bagi tujuan ini, satu jawatankuasa telah ditubuhkan di Kementerian Kewangan. Jawatankuasa ini adalah diwakili oleh semua Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan yang

berkenaan, termasuk Kementerian saya. Tujuan kajian semula ini, ialah untuk menyelaraskan galakan-galakan fiskal yang sedia ada, yang diperuntukkan dibawah Akta Galakan Pelaburan 1968 dan Akta Cukai Pendapatan 1967, supaya ianya selaras dengan dasar-dasar dan strategi-strategi Kerajaan semasa.

KAKITANGAN MAHIR— ATASI KEKURANGAN

35. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Buruh menyatakan apakah program telah ditubuhkan untuk mengatasi kekurangan yang terku kakitangan termahir yang dimatlamatkan khususnya juruteknik terlatih, jurutera-jurutera berpengalaman dan pengurus-pengurus profesynal untuk industri-industri teknologi tinggi yang dijangka menghendaki lebih kurang 23,000 pekerja teknikal dan 16,000 pengurus profesynal dalam jangka masa 5 tahun yang akan datang dan jika tiada program begini, maka daripada manakah kita berharap mendapatkan kakitangan mahir sebegitu.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Kementerian Buruh dalam menyahut dasar industrialisasi Kerajaan telah mengaturkan satu rancangan bagi menyediakan tenaga mahir yang terlatih dalam berbagai-bagai bidang perusahaan terutamanya dalam bidang pembuatan. Rancangan ini terkandung dalam projek CIAST iaitu Centre for Instructor And Advanced Skill Training yang dijangka beroperasi sedikit masa lagi serta penubuhan 5 buah lagi Institut-institut Latihan Perindustrian dalam tempoh 1986-1990. Projek CIAST akan menawarkan kursus-kursus peringkat tinggi dan juga kursus-kursus dalam teknologi baru sejajar dengan perkembangan industri pada masa ini. Pusat ini dijangka mengeluarkan

tenaga mahir seramai lebih kurang 3,000 orang setahun apabila ia berjalan dengan sepenohnya kelak.

Projek pembesaran Institut Latihan Perindustrian yang sedia ada di bawah Kementerian ini pula adalah bagi tujuan latihan peringkat asas dan pertengahan dalam industri penyenggaraan dan pembuatan. Pengeluaran tenaga mahir dari CIAST dan Institut Latihan Perindustrian ini adalah dijangkakan dapat mengeluarkan lebih kurang 8,000 orang pelatih setahun untuk menambah pengeluaran lepasan diploma, ijazah dan professional bagi memenuhi permintaan tenaga mahir dalam usaha Kerajaan untuk mengindustrialisasikan negara.

Agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti MARA, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Telekom, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan juga mempunyai rancangan-rancangan latihan tenaga mahir dalam beberapa bidang vokesyenal dan teknikal. Tumpuan kursus-kursus latihan agensi-agensi ini adalah juga untuk menampung keperluan tenaga mahir untuk negara kita. Usaha-usaha Kerajaan ini telah juga dibantu oleh sektor swasta melalui program latihan sambil bekerja mereka sendiri. Kini badan-badan seperti MIDA, PETRONAS dan HICOM sedang membentuk strategi, polisi-polisi dan rancangan latihan tenaga mahir ke arah perindustrian negara.

PETRONAS—LATIHAN DAN BIASISWA

36. Tuan Ismail bin Said minta Perdana Menteri menyatakan, setakat ini jumlah rakyat kita yang dilatih di dalam berbagai-bagai bidang perusahaan minyak di bawah Perjanjian Bersama Pengeluaran. Berapakah pula jumlah biasiswa yang

dikeluarkan oleh PETRONAS setakat ini dan jumlah penuntut yang terlibat.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Di antara tahun 1981 dan tahun 1984, seramai 17,532 rakyat negara kita telah menerima berbagai jenis latihan dari 4 buah syarikat kontraktor PETRONAS (iaitu ESSO Production Malaysia Incorporated, Sarawak Shell, Sabah Shell dan Elf Aquitaine) yang beroperasi di bawah Perjanjian Perkongsian Pengeluaran.

Dari tahun 1975 sehingga tahun 1984, PETRONAS telah menawarkan biasiswa-biasiswa berjumlah 76.5 juta Ringgit kepada 4,059 orang pelajar.

PEKEBUN KECIL—KEJAYAAN

37. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana kejayaan telah tercapai sejak dasar pertanian dilancarkan bagi mengatasi masalah kesulitan Pak Tani dan pekebun-pekebun kecil di daerah-daerah yang terkenal miskin; dan berapa peratus peningkatan ekonomi sebenar akan terdapat oleh mereka manakala tamat Rancangan Malaysia Keempat.

Dr Goh Cheng Teik: Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Pertanian Negara (DPN) baru sahaja dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada tahun lepas. Berikutan daripada itu, Kementerian telah giat merangka strategi dan program untuk tiap komoditi di bawah bidangkuasa Kementerian Pertanian berdasarkan dasar-dasar yang telah digariskan. Memandangkan strategi dan program di bawah DPN baru sahaja dilancarkan, adalah agak sukar untuk menentukan tahap kejayaan buat masa sekarang. Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan bahawa matlamat untuk meningkatkan pendapatan kaum tani akan dapat dicapai dengan

terlaksananya strategi dan program yang telah dirangka. Berhubung dengan prestasi Rancangan Malaysia Keempat (RME), oleh kerana projek-projek yang dirancang masih lagi di dalam peringkat pelaksanaan, tiadalah mungkin untuk memberikan gambaran pencapaian yang sebenar pada masa ini.

VIETNAM CEROBOH WILAYAH THAILAND

38. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa Vietnam telah menceroboh Wilayah Thailand, tidakkah Malaysia dan ASEAN berhasrat minta Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menghantar pemerhati tentera.

[Sila lihat Jawapan No. 3 26-3-85]

JENTERA BERAT YANG TERSADAI

39. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak jentera-jentera berat yang telah dibeli untuk membina dan membaiki jalan raya telah terbiar tersadai begitu sahaja kerana pembinaan dan pembaikan jalan kini di jalankan secara kontrak, jika ya, adakah kerajaan akan menjual semula jentera-jentera ini kepada kontraktor-kontraktor yang berminat atau akan mebiarkan sahaja jentera-jentera ini reput di telan zaman.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Adalah dimaklumkan bahawa pertanyaan yang sama seperti yang dikemukakan oleh ahli yang terhormat telah pun dikemukakan dan diberi jawapan dalam dewan yang mulia ini pada 1-4-1985. Sebenarnya jentera-jentera berat yang dimiliki oleh Jabatan Kerja Raya tidak dibiarkan begitu

sahaja. Malah ianya disimpan dengan baik seperti yang telah dinyatakan dahulu. Oleh itu mengikut pengetahuan saya, tidak ada jentera-jentera berat yang "terbiar" dan "tersadai" seperti yang dinyatakan oleh ahli yang terhormat itu.

Sebagaimana yang telah diterangkan, bilangan jentera-jentera berat sama ada yang boleh di pakai atau yang tidak digunakan lagi adalah berubah dari masa ke semasa. Hanya sebahagian kecil daripada jentera-jentera yang boleh digunakan lagi. Adalah dimaklumkan bahawa jentera-jentera berat ini telah pun ditawarkan kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain bagi kegunaan mereka. Mana-mana jentera yang tidak diambil oleh agensi-agensi kerajaan ini akan ditawarkan kepada pihak awam yang lazimnya merupakan kontraktor-kontraktor yang menjalankan beberapa projek tertentu dalam negara ini. Berhubung dengan jentera-jentera yang tidak boleh dipakai lagi, urusan pelupusan sentiasa dijalankan dari masa ke semasa.

Oleh yang demikian, maka tidaklah tepat jika dinyatakan bahawa Kementerian saya membiarkan sahaja jentera-jentera berat itu reput ditelan zaman dan tidak membuat sesuatu ke atasnya.

GAJI KAKITANGAN AWAM— KENAIKAN

40. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan telah membuat keputusan tentang memo yang dikemukakan oleh Majlis Bersama Kebangsaan Pihak Pekerja untuk kenaikan gaji bagi kakitangan awam.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa jawapan kepada pertanyaan ini telah pun saya jawab

pada 2hb April, 1985, ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kluang. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa maklumat lagi.

KUMPULAN GAGAK HITAM BAGI MURID SEKOLAH

41. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan mengikut siasatan Kerajaan apakah yang sebenarnya yang dikatakan hari ini di sekolah-sekolah sebagai kumpulan Gagak Hitam dan apakah ia telah merebak ke sekolah-sekolah seluruh negara atau pun ia boleh akan merebak jika tidak dikawal bersama oleh Guru-guru:

- (a) adakah pihak Kerajaan telah berjaya mengesan dari manakah punca kumpulan ini. Adakah ini ia suatu pergerakan yang timbul dari fahaman-fahaman karut dari orang-orang yang tertentu dari rakyat Malaysia atau suatu pengaruh dari luar negeri, sama ada penglibatan dalam kumpulan Gagak Hitam ini boleh dikenakan hukuman; dan
- (b) adakah melibatkan penyertaan Guru-guru jika ya, apakah tindakan-tindakan Kerajaan terhadap guru-guru tersebut dan bolehkah disifatkan sebagai tidak layak lagi untuk menjadi sebagai seorang guru dan harus dipecat dari jawatan mereka.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang sebenarnya dikatakan kumpulan Gagak Hitam hanyalah rekaan penulis akhbar sahaja.

Dari maklumat yang diperolehi tidak ada bukti atau tanda-tanda yang menunjukkan bahawa murid-murid yang terlibat itu adalah ahli kumpulan yang dinamakan Gagak Hitam.

Sebenarnya murid-murid tersebut membuat tanda di dagu dengan menggunakan duit syilling panas atau daun mempelas. Mereka melakukan demikian adalah semata-mata hendak meniru kumpulan penyanyi-penyanyi Barat dan rakan-rakannya. Dari maklumat yang diperolehi juga didapati tidak ada dari kalangan guru yang terlibat dengan kumpulan yang dikatakan Gagak Hitam tersebut.

PEGAWAI RADIO/TV— SIASATAN RASUAH

42. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang dicapai oleh Badan Pencegah Rasuah dalam siasatan ke dalam amalan-amalan rasuah yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Radio dan Televisyen Malaysia dan beritahu ciri-ciri siasatan tersebut.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Menyentuh tentang bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka itu, sukalah saya tegaskan bahawa BPR adalah satu badan yang bertanggungjawab bertindak dengan adil selaras dengan kehendak undang-undang negara. Justeru itu, Badan ini tidak mengamalkan konsep pilih kasih dan akan menyiasat siapa sahaja yang disyaki melakukan rasuah. Dalam konteks penyiasatan BPR ke atas pegawai-pegawai Radio dan Televisyen Malaysia yang disyaki melakukan rasuah, penyiasatan tersebut masih lagi diteruskan untuk mendapat dan mengumpul segala bukti serta keterangan yang nyata sebelum seseorang itu dibawa ke muka pengadilan. Ini kerana sistem perundangan negara kita menetapkan bahawa seseorang itu hanya akan dituduh di mahkamah apabila semua bukti telah diperolehi dan kehendak undang-undang dipatuhi.

Menyentuh tentang bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya tegaskan bahawa perkara-perkara yang melibatkan tuntutan-tuntutan palsu, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan, pecah amanah, penglibatan pegawai/kakitangan di dalam perniagaan serta lain-lain lagi merupakan di antara ciri-ciri siasatan BPR ke atas pegawai-pegawai Radio dan Televisyen Malaysia yang disyaki melakukan rasuah itu.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUNAN TEMPATAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANTU HOSPITAL (PENDAFTARAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (5hb April, 1985)

3.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyumbangkan

beberapa pendapat dan komen saya terhadap Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam huraian di muka akhir Rang Undang-undang ini, pindaan ini bertujuan untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977 dan Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 bagi memperuntukkan antara lain-lain perkara, satu, pertukaran nama jawatan daripada Pembantu Hospital kepada Pembantu Perubatan selaras dengan latihan yang diperlukan untuk menjadi Pembantu Hospital dan peranan yang dimainkan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pertukaran nama jawatan difikirkan sesuai kerana saya berpendapat bahawa Pembantu Hospital sepatutnya menjalankan tugas di atas apa yang mereka telah diberikan latihan selama ini. Pembantu Hospital sebenarnya ialah jururawat lelaki. Dalam negara kita Pembantu Hospital dilatih untuk menjaga atau merawat pesakit-pesakit menurut arahan doktor dan memberikan keselesaan kepada mereka, baik di dalam klinik ataupun di dalam hospital. Memandangkan kepada latihan khusus yang diberikan kepada mereka, Pembantu-pembantu Hospital hendaklah menjalankan tugas menurut apa yang mereka telah dilatih. Akan tetapi apa yang berlaku, Pembantu-pembantu Hospital di negara kita dikehendaki juga membuat kerja-kerja pentadbiran dan kerja seliaan di klinik-klinik dan di hospital walaupun mereka tidak diberikan latihan untuk kerja-kerja ini. Jika Pembantu-pembantu Hospital kita dikehendaki membuat kedua-dua jenis tugas, iaitu membuat kerja yang mereka telah dilatih untuk itu, di samping bertugas untuk kerja-kerja yang tidak dilatih, sebagaimana yang saya terangkan pada awal tadi, maka

definisi ataupun pengertian Pembantu Hospital adalah lebih sesuai untuk dipakaikan kepada mereka.

Walau bagaimanapun, jika tujuan pindaan ini kepada Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977 dan Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 ialah untuk memberi mereka satu tugas atau jawatan yang sesuai berdasarkan latihan yang mereka terima dan peranan yang dimainkan oleh mereka, maka dengan tidak diragukan bahawa jawatan itu patutlah ditukar dari Pembantu Hospital kepada Pembantu Perubatan.

Berdasarkan latihan dan jenis tugas yang dilakukan ini mereka lebih sesuai dengan panggilan Pembantu Perubatan dan bukan Pembantu Hospital. Kerja-kerja mereka hendaklah terhad untuk merawat pesakit-pesakit menurut arahan doktor dan menjaga keselesaan para pesakit di klinik dan di hospital.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pindaan kepada seksyen 8 Akta Induk yang terkandung dalam perenggan (a), bagi pindaan kepada seksyen itu dalam Jadual Pertama bertujuan untuk melanjutkan tempoh dalam masa orang yang terlibat perlu mendaftarkan diri di bawah Akta Ibu dari 3 tahun kepada 6 tahun, saya berpendapat bahawa cadangan pindaan ini akan memberi faedah oleh kerana ini akan memberi masa yang secukupnya kepada orang yang terlibat untuk mendaftarkan nama mereka.

Berhubung dengan pindaan kepada Peraturan 10, Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 yang terkandung dalam Jadual Kedua adalah bertujuan untuk membolehkan Menteri membenarkan Jururawat Lelaki Tentera atau Pembantu Hospital Rendah yang memiliki apa-apa kelulusan pelajaran sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri untuk

diterima menjalani latihan dalam suatu pusat latihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa orang yang terlibat hendaklah diberikan satu peluang untuk menerima latihan yang penuh jika rekod perkhidmatan mereka baik dan memuaskan walaupun kelulusan pelajaran tidak mengizinkan. Jururawat Lelaki Tentera atau Pembantu Hospital Rendah sebenarnya menjalani kursus yang pendek mengenai kejururawatan dengan taraf kelayakan yang rendah tetapi jika rekod perkhidmatan mereka memuaskan sepertimana yang saya katakan tadi mereka hendaklah dihantar untuk menerima latihan penuh meskipun mereka tidak mempunyai kelulusan pelajaran sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada pengemukaan Rang Undang-undang ini dan berbagai pindaan yang terkandung di dalamnya, saya ingin mengemukakan dua cadangan di sini berkaitan dengan perkhidmatan Pembantu-pembantu Perubatan kita.

Pertama, Pembantu-pembantu Perubatan di negara kita hendaklah sentiasa memperbaiki perkhidmatan mereka pada setiap masa dan hendaklah menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi, sepenuh hati dan tenaga dan berdisiplin. Satu perhubungan yang rapat antara pesakit dan Pembantu Hospital atau sekarang dinamakan Pembantu Perubatan hendaklah dibina bagi kebaikan profesion dan orang ramai supaya mereka tidak mempertikai ataupun mempersoalkan perkara ini.

Pada masa lalu malahan sehingga hari ini para Pembantu Hospital kita sering menerima kecaman dan kritikan daripada orang ramai kerana perkhidmatan mereka yang tidak

memuaskan dan inilah masanya bagi mereka supaya memperbaiki dan memperkukuhkan perkhidmatan mereka bagi menjunjung etika profesion mereka pada setiap masa.

Kedua, Pembantu-pembantu Perubatan ini hendaklah tidak diberikan kebenaran untuk mengendalikan sendiri klinik-klinik dan bertindak menurut kehendak mereka tanpa menerima arahan doktor kerana jika ini dibiarkan, ini akan mengakibatkan taraf profesion dan amalan perubatan merosot di mata orang ramai.

Pada akhirnya Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara jururawat, izinkan saya menggunakan peluang ini untuk menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai taraf jururawat kita dalam perkhidmatan awam yang mana saya rasa masanya telah sampai bagi Kerajaan memberikan faedah yang serupa dengan Pembantu-pembantu Hospital.

Seperti juga Pembantu Hospital yang menjalani kursus perubatan, para jururawat juga hendaklah diberikan latihan juga dan dalam banyak hal tugas mereka hendaklah serupa dengan Pembantu Hospital. Memandangkan ini maka saya berharap dan juga menggunakan kesempatan ini untuk menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak Kementerian yang berkenaan untuk menitikberatkan di sini bahawa tuntutan jururawat untuk mendapatkan faedah yang serupa dengan Pembantu Hospital adalah satu permintaan yang wajar dan juga patutlah diberi pertimbangan oleh pihak Kementerian yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

3.47 ptg.

Dr Leo Michael Toyad (Mukah):
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga

sama-sama menyuarakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang yang telah diberikan oleh Kementerian yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Saya ingin membangkitkan serba sedikit dari segi Rang Undang-undang ini dan menyentuh sedikit tentang manfaat Rang Undang-undang ini kerana dari pendapat saya langkah ini memang satu langkah yang baik dan harus diadakan dan masanya pun sesuai kerana saya memandangkan Rang Undang-undang perubatan ini menukarkan nama Pembantu Hospital ke gelaran Pembantu Perubatan. Ini adalah menggambarkan satu pendekatan dan sikap Kementerian Kesihatan kita terhadap pembangunan kesihatan di luar bandar kerana yang mana saya tahu di dalam pembangunan kesihatan luar bandar kakitangan seperti Jururawat Kesihatan dan Pembantu-pembantu Hospital yang dahulu dinamakan dan sekarang dinamakan Pembantu Perubatan ini, penglibatan mereka adalah penting sekali kerana dalam pembangunan kesihatan di luar bandar kita mesti menimbangkan bahawa kesihatan ini adalah untuk membaiki dan meninggikan keadaan sosial, mental dan fizikal rakyat di luar bandar.

Jadi dengan satu pendekatan ini kita harap dengan dasar-dasar Kementerian Kesihatan dan Kerajaan kita, Pembantu Perubatan ini akan dapat menjalankan secara dengan pendekatan yang bersepadu kerana selama ini kita melihatkan bahawa Pembantu-pembantu Hospital itu telah menanggung tanggungjawab dan kerja-kerja yang telah diberikan kepada mereka di luar bandar di mana kita tidak dapat menempatkan doktor atau pegawai kesihatan itu, dia

memang mendapat bebanan atau, dengan izin, responsibility berat sekali Tuan Yang di-Pertua, kerana di luar bandar ini adalah dia ditempatkan dengan seorang Jururawat atau Pembantu Hospital sahaja.

Jadi dengan latihan dia yang ada sekarang memang untuk menjadikan seorang pegawai kesihatan di dalam satu masyarakat begitu jauh dari bandar dan dengan komunikasi atau saluran-saluran telefon yang tidak ada itu, kita mesti menimbangkan tanggungjawab mereka.

Jadi dengan langkah ini saya setuju kerana kita dapat lagi mengatur tanggungjawab mereka dengan sewajarnya, dengan izin responsibility mereka dan juga kita harap Kementerian Kesihatan dapat juga meneliti dengan mendalam di mana dapat mendorong lagi mereka yang bekerja di luar bandar supaya kita dapat lebih lagi daya pengeluaran dari mereka kerana ini adalah satu galakan untuk moral mereka yang bekerja di luar bandar.

Dari segi itu saya ingin menekankan juga di sini peranan mereka ini memang penting dalam pembangunan negara kita kerana sekarang kita sedar dan kita selalu mendengar di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kekurangan pegawai kesihatan atau doktor-doktor di luar bandar. Saya memang bersetuju sekali kerana Pembantu Perubatan ini dapat menjadi telinga dan mata, pegawai-pegawai kesihatan yang kita ada dapat hanya ditumpukan di kawasan-kawasan bandar dan kalau ada yang lebih kita dapat menghantar ke luar bandar atau dijemput berjalan atau melawat sementara sahaja.

Di sini saya ingin mencadangkan bahawa Kementerian Kesihatan dapat meneliti lebih lagi keadaan-keadaan Pembantu-pembantu Perubatan yang ditempatkan di kawasan luar bandar

yang saya lebih tahu lagi di kawasan luar bandar di Negeri Sarawak kerana kawasan luar bandar di Negeri Sarawak adalah diberi dalam dua macam. Kerana ada kawasan persisiran di mana komunikasi adalah tergantung dengan cara saluran sungai dan laut dan ada juga kawasan yang kedua di bahagian bukit atau yang jauh di dalam hutan dekat sempadan-sempadan di Pulau Borneo itu.

Saya ingin mencadangkan dari segi kemudahan-kemudahan mereka yang saya tahu bahawa kemudahan tempat kediaman, memang sudah bagus dan selesa tetapi dari segi kemudahan untuk perjalanan seperti outboard engine dan perahu-perahu kerana di dalam kawasan ini banyak perahu yang tidak tahan, lebih lagi kapal outboard atau long boat dengan izin, di kawasan sungai dan berbatu dan air yang masin, jadi injin pun tidak tahan. Saya harap dari segi ini bila Kementerian Kesihatan memandang memberi pertimbangan supaya Pembantu-pembantu Perubatan di sana dapat lebih moral lagi untuk menjalankan kerja mereka dan sama-samalah kita membangunkan rakyat di luar bandar.

Dan yang kedua, saya ingin menarik perhatian tentang Pembantu Perubatan di luar bandar itu ialah tentang kawasan di mana perhubungan yang rumit sekali seperti berjalan kaki atau dengan lawatan helikopter sebulan sekali, di kawasan ini saya harap Kementerian boleh mengatur supaya pegawai-pegawai yang ditempatkan di kawasan yang begini dapat ditempatkan secara bergilir-gilir dengan dapat dihadkan masa kurang lebih dalam dua tahun atau jangan lebih dari itu. Dari pengalaman saya sendiri, saya fikir dalam keadaan begitu walaupun kita ingin bekerja, bila sudah lama moral-moral mereka ada kurang sedikit kerana mereka juga manusia. Tetapi saya harap bukan banyak perkara begitu terjadi tetapi kalau boleh diberi pertimbangan di

mana ia berlaku. Saya harap Kementerian dapat meneliti dengan sedalam-dalamnya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pindaan kepada Peraturan 10 di mana pindaan ini memberikan peluang untuk meluaskan pekerja-pekerja seperti Jururawat-jururawat lelaki tentera dan Pembantu Hospital Rendah. Jadi ini saya memang memberi tahniah kepada Kementerian Kesihatan dari segi ini kerana banyak saya lihat di mana Jururawat lelaki tentera dan Pembantu Hospital Rendah yang telah bekerja lama dan telah mendapat pengalaman secara praktik dan bertanggungjawab dan dalam masa mereka menjalankan tugas sebagai Pembantu Perubatan Hospital Rendah atau Jururawat ini lelaki ini, mereka berusaha untuk meninggikan pelajaran dan mereka mengambil peperiksaan am, dan peraturan 10 ini memberikan peluang kepada mereka supaya mereka dapat lagi dinaikkan jawatan sebagai Pembantu Perubatan dan dengan mendapatkan hasil pendirian yang sewajarnya.

Dan akhirnya sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu lagi cadangan di mana saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan supaya inilah satu jawatan yang saya harap Kementerian, ialah jawatan untuk Pembantu Perubatan, di mana Kerajaan dapat menambah lagi jawatan-jawatan yang ada sekarang kerana saya harap dengan ini kita dapat meningkatkan dan mempercepatkan lagi program pembangunan kesihatan di luar bandar. Dan dengan itu saya ingin sekali lagi menyatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

3.59 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil sedikit masa untuk menyatakan pandangan-pandangan saya mengenai pindaan suatu Akta untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977 dan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 seperti yang telah dibentangkan pada hari Jumaat yang lalu.

Sebagaimana yang telah kita maklum bahawa perkhidmatan Pembantu-pembantu Hospital yang lalu adalah untuk berkhidmat kepada masyarakat. Pertukaran nama yang dibuat ataupun dicadangkan dalam Akta ini adalah untuk memperkemas urusan-urusan pentadbiran yang mungkin dilakukan oleh Pembantu Hospital selama ini.

Di dalam latihan yang telah pun mereka lalui selama tiga tahun, mereka juga adalah terdiri daripada kalangan yang boleh disebutkan sebagai telah pun mempunyai pengalaman-pengalaman perubatan yang memuaskan untuk memberi khidmat kepada masyarakat.

Saya akan lebih menumpukan perbahasan ini di dalam usaha untuk melihat perbandingan-perbandingan di antara Akta Pembantu Hospital dengan Medical Act 1971 dan juga arahan Lembaga Pembantu Hospital yang telah dikeluarkan pada bulan Mei, 1981.

Walaupun kita dapati banyak sungutan dan rungutan mengenai ketidakcukupan ataupun soal kebengisan mungkin kalau disebut mengenai Pembantu-pembantu Hospital yang menjalankan tugasnya di klinik-klinik Kerajaan di kawasan luar bandar. Memang satu-satu klinik di kawasan luar bandar 100% ditadbir oleh seorang Pembantu-pembantu Hospital, kliniknya kecil bagi satu

daerah. Jadi kegiatan-kegiatan mereka itu adalah menyalahi, mengikut Akta Perubatan 1971 di bawah Fasal 33, offences yang terlalu banyak kesalahan-kesalahan yang dijalankan oleh mereka. Ini bukanlah disebabkan oleh kesalahan Pembantu-pembantu Hospital itu sendiri tetapi ini adalah arahan yang dibuat oleh pihak Kerajaan, pihak Pentadbir Perubatan kepada mereka untuk mereka laksanakan tugas ini. Terdapat perbezaan yang nyata di antara Pembantu-pembantu Hospital yang bertugas di hospital-hospital besar, di bandar-bandar besar dengan Pembantu-pembantu Hospital yang bertugas di klinik-klinik kecil di mana Pembantu-pembantu Hospital di klinik-klinik kecil menjalankan kerja-kerja perkeranian, pendaftaran, memeriksa pesakit-pesakit dan memberi ubat.

Memang rungutan seperti yang saya sebutkan tadi banyak timbul tetapi masyarakat juga haruslah berfikir bahawa untuk menyesuaikan ataupun untuk memuaskan kehendak hati setiap masyarakat itu sudah pastilah tidak boleh. Dengan itu atas keyakinan ini, soal membaiki pentadbiran, membaiki Scheme of Service Pembantu Hospital yang akan ditukarkan namanya kepada Pembantu-pembantu Perubatan ini boleh menampakkan satu perbezaan yang nyata, satu perbezaan yang jelas sepertimana saya sebutkan tadi. Mereka ini kalau hendak dipandang setelah mendapat sijil perubatan setelah 3 tahun berkursus bagi saya nampak satu profesion yang cukup terhad dari segi mobiliti untuk naik ataupun untuk kenaikan pangkat ataupun kalau hendak dibandingkan dengan profesion yang lain di dalam pentadbiran Kerajaan, misalnya kalau sekiranya seorang kerani di jabatan Kerajaan mungkin ia akan naik menjadi Pembantu Pentadbir dan mungkin menjadi Pegawai Pentadbir kalau sekiranya pencapaiannya itu

lebih baik. Tetapi dalam bidang ini ianya terhad tidak mungkin seorang Pembantu Perubatan, seorang Pembantu Hospital untuk menjadi seorang doktor kerana mungkin kekurangan latihan-latihan yang diberikan ataupun tidak cukup untuk mereka bagi mendapatkan diploma perubatan atau ijazah perubatan untuk mereka.

Ini soal yang perlu difikirkan oleh Kerajaan supaya mereka itu dapat memberi khidmat yang baik kepada masyarakat. Tadi saya telah sebut mengenai perkara-perkara yang dilakukan oleh Pembantu-pembantu Perubatan ataupun Hospital Assistant ini yang menjadi seolah-olah Pegawai Perubatan di satu klinik di kawasan luar bandar. Ya, Pembantu Hospital ini telah pun kalaulah sekiranya kita hendak tafsirkan kesalahan-kesalahan di bawah perkara Offences 33 Akta Perubatan 1971 maka sudah pastilah Pembantu Hospital itu akan sentiasa kena didakwa oleh Kerajaan sendiri yang mengarahkan supaya Pembantu Hospital untuk menjalankan tugasnya.

Saya dengan ini hendak memohon kepada Kementerian Kesihatan supaya dapat menyemak kembali bidang tugas yang dilakukan oleh Pembantu-pembantu Perubatan yang akan ditukarkan namanya kelak ini mengikut Seksyen 22 perkara "L" di dalam Hospital Assistant Registration, 1977 di mana pihak Menteri dibolehkan untuk menggariskan, untuk menetapkan bidang tugas yang perlu dilakukan oleh Pembantu-pembantu Hospital ini supaya mereka tidak menyalahi undang-undang. Mereka sebenarnya tidak mahu melakukan kesalahan-kesalahan ini tetapi di atas sikap perikemanusiaan dan di atas arahan Kerajaan, maka mereka perlu mengadakan ataupun melakukan kesalahan ini sama ada dengan sengaja ataupun tidak sengaja. Ini jelas ditunjukkan di dalam satu arahan Lembaga Pembantu Hospital

Pendaftaran, 1981 yang saya akan bacakan, dengan izin:

Syarat-syarat dan sekatan dilampirkan bersama sijil perakuan pendaftaran sebagai Pembantu Hospital dikeluarkan oleh Lembaga tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Pembantu Hospital Pendaftaran 1977 dan peraturan-peraturan Pembantu Hospital Pendaftaran (Pindaan) 1981 adalah seperti berikut:

- (1) tidak dibenarkan membuat tugas-tugas klinikal bersendirian;
- (2) hendaklah bertugas di bawah penyeliaan Pegawai Perubatan semasa berkhidmat dengan Kerajaan atau klinik swasta. Di klinik swasta Pembantu Hospital mestilah bertugas terus menerus di bawah penyeliaan pengamal perubatan yang bertugas sepenuh masa.

Jadi mengikut arahan ini sudah pastilah seluruh Pembantu-pembantu Hospital yang bertugas di klinik-klinik kecil luar bandar melakukan kesalahan. Mereka bertugas tidak di bawah pengawas seorang Pegawai Perubatan, kerana Pegawai Perubatan tidak tinggal di situ, Pegawai Perubatan tidak ditempatkan di klinik di kawasan luar bandar itu. Jadi perkara ini saya hendak memohon kepada Kementerian untuk mendapat pertimbangan dan satu arahan Kementerian ataupun satu "guideline" boleh difikirkan oleh Kerajaan supaya mereka ini jika didapati bersalah dengan perkara ataupun kesalahan yang mereka lakukan itu adalah bukan disebabkan oleh kehendak mereka sendiri tetapi adalah disebabkan oleh kehendak tugas-tugas yang telah pun diletakkan kepada mereka dengan arahan-arahan yang telah pun diberikan kepada mereka.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

4.05 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana dapat saya menyertai bersama membahaskan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri tempoh hari suatu Akta untuk meminda Akta Pembantu Hospital sebagaimana apa yang dimaksudkan ialah bertujuan untuk meminda nama Pembantu Hospital kepada Pembantu Perubatan. Tak lain tak bukan tujuan pindaan-pindaan ini ialah untuk menambah tepat di atas nama dan tujuan-tujuan yang dihadapi. Terlebih dahulu saya menyokong di atas Akta ini.

Saya suka menyentuh sedikit tentang pindaan nama yang dimaksudkan iaitu kalau hendak dikirakan tepat pada makna daripada Pembantu Hospital kepada Pembantu Perubatan, kalau hendak kirakan tepat betul, tidaklah begitu tepat juga, lebih kurang juga maknanya Pembantu Hospital kepada Pembantu Perubatan. Rasa saya dalam istilah nama itu kalau kita ambil daripada perkataan bahasa Arab dipanggil kalau Pembantu lelaki itu dipanggil "Mumarrid", kalau Pembantu perempuan dipanggil "Mumarridah". Jadi maknanya Pembantu Pesakit (Mumarrid), bukan Pembantu Hospital dan bukan Pembantu Perubatan. Jadi Pembantu Hospital maknanya menolong ke hospital itu bukan menolong orang. Pembantu Perubatan maknanya menolong ubat, bancuh ubat, tak ada kena mengenai dengan orang sakit. Itu Pembantu Perubatan, maknanya ubat yang kita bancuh, masuk botol, lepas masuk botol, masuk dalam almari, masuk dalam kotak. Itu Pembantu perubatan, tak ada kena mengena

dengan orang sakit. Kalau Pembantu Hospital maknanya hospital rosak, hospital pecah, kita betulkan; hospital bocor, kita atapkan. Itu Pembantu Hospital. Jadi kalau nak kirakan Pembantu Hospital pun tak kena, Pembantu Perubatan pun tak kena, yang betul Pembantu Pesakit.

Kita di Malaysia ini selalu dari segi nama-nama ini banyak kita ambil daripada bahasa-bahasa lain khususnya kadang-kadang ambil daripada bahasa Arab, kita terjemah ataupun tepatkan tak kena pada tempatnya. Selalu begitu. Ini misalan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, kalau lari sedikit pun saya harap maaflah, nak lari sedikit sahaja. Misalan pernah kita sebut kalimah kalwat, kalwat ini selalu yang kena tangkap kerana kalwat—ini sudah lari sedikit tetapi minta maaf, kerana hendak tepatkan fahaman makna Pembantu Hospital dan Pembantu Perubatan tadi. Kalwat ini ialah perkataan mulia iaitu orang duduk dalam bilik beramal ibadat ke hadrat Allah s.w.t., tahlil tasbih bertapa, memuji Allah. Itu kalwat. Bolehkah kita orang Melayu ini ataupun di Malaysia ini pakai kalimah kalwat itu kepada orang yang berdua-duaan, berasmara-asmara. Jadi jauh sangat dengan makna itu.

Malam amal, selalu kita gunakan di Malaysia ini, malam amal itu iaitu malam buat apa-apa program, parti, berjoget, menari, menyanyi kerana minta derma dan sebagainya, dinamakan malam amal. Yang sebenarnya malam amal, malam orang beribadat, malam orang bertafakur, orang beribadat ke hadrat Allah s.w.t. seperti bulan puasa, siang hari dia puasa, malam dia berjaga beramal. Oleh itu dikatakan si pulan itu malam ini dia malam amal, tidak boleh hendak ganggu dia kerana dia malam amal, makna malam ini tidak usah jempuit dia, tidak usah ganggu dia kerana malam ini malam amal, sebab pada sebelah malam dia hendak beramal

ibadat. Seboleh-bolehnya pada kita, malam amal itu malam menari. Jadi, jauh sangat.

Begitulah juga dalam segi Pembantu Hospital ini, "Pembantu Hospital" kita ubah kepada "Pembantu Perubatan". Bukan ertinya saya hendak celah saya tidak setuju, bukan saya tidak setuju tetapi hendak kira tepatnya itu ialah Pembantu Pesakit.

Selain daripada tugas-tugas Pembantu Perubatan ini, saya suka juga menyentuh keadaan latihan-latihan yang diberi. Saya percaya bahawa latihan-latihan yang diberi boleh dikatakan latihan yang mencukupi dalam segi melayani orang sakit, dalam segi bubuh ubat, dalam segi macam-macam cara yang diajar. Tetapi kenapakah Pembantu-pembantu Perubatan kita banyak lagi masih kurang dalam segi budi pekerti dengan pesakit-pesakit—tutur-kata, tingkah-laku, sambutan dan sebagainya.

Yang selalu kita nampak hari ini Pembantu-pembantu Perubatan, layanan-layanan diberi dengan layanan-layanan istimewa ialah bagi pesakit-pesakit yang duduk di kelas satu. Ini nampak layanannya istimewa. Cakapnya lemah-lembut lebih daripada bercakap dengan pesakit-pesakit yang berada di Kelas Tiga. Ini patut dibetulkan. Selalunya pesakit-pesakit yang berada di kelas satu, selalunya terdiri daripada orang-orang kenamaan, orang-orang kaya, orang-orang yang dikenali, orang-orang politik, wakil-wakil rakyat, ketua-ketua pengarah yang berada di hospital bilik-bilik kelas satu. Maka Pembantu Perubatan atau Pembantu Hospital ini pandai melayani orang ini dengan suara-suara yang lembut, dengan perkataan-perkataan yang manis, jarang kita perhati dengan perkataan kasar kepada pesakit-pesakit yang berada di Kelas Satu.

Kemudian kepada pesakit-pesakit Kelas Tiga selalu kita dapati Pembantu Perubatan ini bersikap kasar, menjadi sedih hati dan menjadikan bertambah sakit pesakit-pesakit tadi dengan perkataan-perkataan yang tidak begitu halus. Kadang-kadang pernah berlaku percakapan di hadapan orang sakit dia berbual sesama sendiri mengatakan: "Dahulu hak mati minggu lepas sakit beginilah". Pernah orang sakit itu dengar. Apabila orang sakit itu dengan rasa, "Aku ini bila lagi?". Patut perkataan itu tidak boleh disebut dekat orang sakit. Dan dalam Islam hukumnya haram. Haram kita sebut dekat orang sakit mengatakan, sakit begini dahulu bawa mati, haram hukumnya.

Dalam Islam disuruh kita apabila pergi di tempat-tempat orang sakit menceritakan tentang orang segar, ertinya kalau kita tengok orang ini sakit teruk, kita mestilah kata: "Ini sedikit Pak Cik, ini bukannya banyak, minggu lalu teruk lagi tetapi baik, senang sekejap sahaja". Begitu caranya supaya pesakit-pesakit ini merasai segar dan ada harapan sembuh.

Selain daripada ubat-ubat pil ataupun ubat-ubat yang kita injek, ataupun ubat-ubat yang kita balut, ubat yang paling besar sekali ialah ubat penawar yang dinamakan penawar rohani ataupun penawar yang tidak dapat kita nampak atau tengok iaitu dari perkataan-perkataan yang halus dan daripada pujian-pujian yang elok. Daripada ini membawa kepada pesakit-pesakit ini tadi baik. Maka sebab itulah di antaranya kalau kita kirakan, pernah di negeri Kelantan orang mengubat orang sakit dengan dipanggil "bageh". Apa "bageh" ini? Iaitu tepuk gendang. Dekat orang sakit itu dia bawa gendang, dia bergendang sahaja. Boleh jadi baik sakit. Barangkali Timbalan Menteri sendiri tidak percaya kepada apa yang saya ceritakan ini. Boleh tanya orang Kelantan, dengan izin Allah dengan

sebab bergendang penyakitnya boleh baik, fasal dia jadi segar. Dan ada di antaranya kalau di zaman dahulu, zaman Ibnu Sina iaitu pakar perubatan yang ulang-ulung sekali di negara Arab. Ibnu Sina adalah seorang doktor yang pakar dan terkenal di dunia ini. Banyak doktor-doktor di dunia ini sehingga sampai sekarang.

Bagaimana, Tuan Yang di-Pertua, lari banyakkah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Lari sedikit tetapi seronok. Boleh buat ubat dengan gendang, satu cara yang baru.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perubatan cara gendang ini bukan cara baru, lama sangat tetapi memang benar ada. Kita seolah-olah rasa macam ganjil tetapi benar-benar ada. Orang Kelantan panggil bageh. Jadi. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap hospital kita pun akan cuba berubat dengan gendang.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, perumpamaan yang saya beri ini ialah untuk menjadi satu daripada perkara-perkara yang patut dipegang oleh pihak Pembantu-pembantu Hospital atau Pembantu Pesakit daripada perkataan-perkataan yang baik-baik atau pujian-pujian yang baik-baik kepada pesakit-pesakit.

Jadi, kalau masa Ibnu Sina dahulu, pernah Abni Sina sendiri perintah ataupun suruh pergi mengubati orang sakit secara bersyair. Apabila sesudah Ibnu Sina cuba macam-macam ubat, tiba-tiba tidak juga berjaya, maka Abni Sina suruh orang pergi bersyair dan didapati ada kalanya berjaya dan baik. Ini untuk menguatkan kepada kita iaitu Pembantu-pembantu Perubatan ini dalam segi perkataan-perkataan dan sumbangan-sumbangan budi bahasa kita kepada pesakit-pesakit dengan perkataan-perkataan yang manis.

Selain daripada itu, bagi pihak latihan-latihan pula patut diberi dalam segi latihan keagamaan sedikit, daripada situ adanya keberkatan misalannya tatkala kita hendak memberi ubat ataupun injek pada pesakit-pesakit tadi, sebaik-baiknya dan sebagus-bagusnya kita gunakan dengan perkataan berkat "Bismillah irrahman nirrahim" kemudian kita pun injek dia ataupun beri ubat dia, atau misalan, Makkik telanlah ubat ini baca Bismillah. . . . kerana Bismillah ini lebih berkat daripada ubat, kerana yang membaikkkan kita atau menyembuhkan kita itu adalah Allah s.w.t. ubat ataupun ikhtiar manusia adalah menjadi sebab sahaja. Kalau sekiranya ubat itu boleh menyembuhkan tentulah sekali doktor-doktor tidak mati, doktor-doktor jadi tidak sakit semuanya tetapi oleh kerana ubat itu sebagai hanya ikhtiar maka yang menyembuhkan itu adalah Allah. Oleh itu, alangkah baiknya bagi tiap-tiap Pembantu-pembantu tadi ataupun kepada Jururawat-jururawat berilah perkataan-perkataan yang berkat ini ketika kita hendak mengubati pesakit-pesakit tadi.

Selain daripada itu, dalam segi kecergasan Pembantu Hospital dalam segi berlakunya kecemasan-kecemasan seperti accident jalanraya dan sebagainya. Adakalanya dapati lambat ketibaan kereta di tempat-tempat berlaku kemalangan sesudah kita dapat tahu. Di hospital-hospital sebaik-baiknya di tempat telefon, di situ rasa saya lebih baik bukannya operator duduk di situ, biarlah yang duduk yang menerima telefon mengenai orang-orang accident ini ialah terdiri daripada Pembantu Hospital itu sendiri bukan telephone operator dan yang lain-lain. Sebab boleh jadi orang yang tidak selalu menengok orang sakit itu, dia tidak ada merasai kesan ataupun perasaan kasihan belas itu kerana dia tidak pernah menengok, hanya dia duduk

tengok buku ataupun hanya dia duduk dekat telefon sentiasa, dia tidak pernah tengok ataupun dia jarang sekali tengok orang-orang melaung-laung kesakitan tetapi kalau Pembantu Hospital atau Pembantu Perubatan atau Pembantu Kesihatan dan sebagainya, dia sendiri selalu tengok orang sakit, apabila sahaja dia menerima telefon orang accident dengan sendiri hatinya itu bergelegak dan perasaan tidak tahan hati hendak pergi menolong dengan secepat-cepat mungkin. Dengan itu lekas-lekas dia akan memberitahu kepada pihak-pihak yang berkenaan, ambulan untuk menerkam kepada tempat-tempat yang berlaku.

Saya sendiri pernah tengok dengan mata kepala saya sendiri, apabila datang orang-orang accident ke hospital, lama pula hendak boleh masuk ke bilik, hendak beri rawatan lambat pula; entahlah kalau hari yang saya tengok itu, sebab saya sendiri pun bukan orang-orang pergi tengok. Tetapi saya pernah tengok duduk telentang di situ lama pula hendak boleh bawa masuk. Sebab kenapa kerana hendak tunggu si pulan, ada pula hendak tunggu orang. Ataupun ada setengah itu hendak tunggu doktor dan ada pernah berlaku hendak minta I/C. Mana dia I/Cnya, mana I/Cnya. Apa kita hendak peduli dengan I/Cnya. Kita mestilah bantu dan rawatkan dengan secepat-cepat, I/C itu kemudian-kemudian dan kenapa hendak tengok I/C terlebih dahulu, kerana hendak cari I/C itu kadang-kadang setengah itu meraba poketnya tidak ada pula, tanya pula siapa tahu I/Cnya. Jadi, terpaksa makan masa pula hendak boleh sampai kepada peringkat beri bantuan ubat dan sebagainya. Sepatutnya tidak bolehlah dilambat-lambatkan. Apabila sampai, teruslah masukkan ke bilik memberi rawatan dengan seberapa segera, selepas itu baharulah hendak tanya I/Ckah dan sebagainya. Kerana Pembantu Perubatan ini ataupun

Doktor adalah dinamakan khidmat peri kemanusiaan iaitu khidmat daripada hati ke hati, khidmat yang penuh kasihan belas, itu maknanya perkhidmatan peri kemanusiaan. Dengan demikian, kalau hendak kirakan dalam segi pandangan Allah dan Rasul untuk mendapatkan ganjaran-ganjaran yang baik, rasa saya kepada Pembantu Hospital atau Pembantu Perubatanlah yang paling banyak mendapat ganjaran-ganjaran dari Tuhan kerana perkhidmatannya itu adalah perkhidmatan yang terpuji di sisi Tuhan dan di sisi manusia-manusia keseluruhannya. Maka apabila baik dan bagus perkhidmatan-perkhidmatan Pembantu Hospital ini ia sentiasa diharumi namanya dan sentiasa terpuji keadaannya di dunia dan di akhirat. Maka pada Akta ini saya sekali lagi menyokong dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan menjawab dan menggulung perbahasan.

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban) Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berdiri menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) tahun 1977 ini. Di sini beberapa hujah yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya akan cuba menjawab secara ringkas.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang pada hari Jumaat lalu telah menimbulkan perkara peluang-peluang untuk Pembantu-pembantu Hospital ini melanjutkan pelajaran dan latihan mereka untuk memperbaiki kedudukan mereka dan kedudukan perkhidmatan. Kementerian Kesihatan memang telah menyediakan

peluang-peluang bagi Pembantu Hospital ini untuk melanjutkan pelajaran bagi memperbaiki lagi kedudukan perkhidmatan dan mereka sendiri melalui beberapa kursus di dalam dan di luar negeri. Di dalam negeri pula kita telah sempat mengatur kursus-kursus Juruteknik Orthopaedic, Juruteknik Dewan Bedah, Juruteknik Rawatan Mata, Rawatan Buah Pinggang, Rawatan Jiwa dan sebagainya dan kita telah juga berpeluang untuk mengatur latihan di luar negeri untuk kursus atau bidang seperti Juruteknik Rawatan dan Pembedahan Jantung, Pengurusan Unit Kecederaan dan Kecemasan, Juruteknik EEG, Juruteknik Kajidengar, Juruteknik atau Pengajar Pra-Medic dan sebagainya.

Di samping itu, Kementerian saya juga telah menganjurkan kursus-kursus orientasi dan seminar dari semasa ke semasa bagi Pembantu Hospital tiap-tiap tahun dalam bidang-bidang tugas yang tertentu, khasnya dalam Pengurusan dan Penyeliaan Hospital, Peningkatan Mutu Perkhidmatan Pesakit Luar di pusat-pusat kesihatan luar bandar dan Kursus Pengurusan Kecederaan dan Kecemasan serta menggunakan alat menyelamatkan nyawa.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman bersama-sama juga Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan soal garis panduan tugas-tugas dan tanggungjawab bagi Pembantu Hospital dan telah meminta bahawa garis panduan ini dikaji semula. Saya memang dapat menerima hujah bahawa adalah penting garis panduan ini ditentukan dengan jelas oleh kerana dua sebab: satu dari segi tanggungjawab dan satu lagi dari segi syarat-syarat undang-undang iaitu Akta Perubatan, tahun 1971 yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda tadi. Kementerian memang memikirkan bahawa garis

panduan ini dan tanggungjawab bagi Pembantu-pembantu Hospital hendaklah ditentukan dengan jelas dan perkara ini telah pun dibuat dalam masa-masa yang lampau dan pada masa ini Kementerian sedang memikirkan beberapa langkah untuk menyelaraskan garis panduan ini dengan kehendak-kehendak Akta Perubatan 1971. Kita harap dengan adanya peraturan-peraturan yang lebih jelas, kita akan dapat memberi lebih keyakinan kepada orang ramai dan juga menentukan bahawa bidang tugas mereka ini tidak menyalahi Akta Perubatan 1971.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga telah membangkitkan perkara Pembantu-pembantu Hospital yang berkhidmat yang tidak mengikut peraturan atau perkhidmatan mereka dan bertindak bercanggah dengan dasar-dasar Kerajaan. Saya tidak tahu tentang aduan seperti ini dan Kementerian belum pernah menerima sebarang aduan mengenai perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, Kementerian memang menekankan kepada kakitangan Kementerian bahawa tindak-tanduk mereka, sikap mereka dan approach mereka kepada pesakit-pesakit dan juga pelawat-pelawat adalah sama penting seperti usaha-usaha yang dijalankan di klinik-klinik dan di hospital-hospital untuk merawat pesakit-pesakit. Kementerian sedang pun menyerapkan beberapa aspek sikap sopan-santun dalam kursus-kursus latihan untuk kakitangan yang bertugas di bawah Kementerian. Jika kita dapati bahawa ada pegawai yang tidak menerima seruan kita itu dan ada bukti yang jelas, memang tindakan disiplin akan dapat diambil ke atas pegawai-pegawai kita itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga telah membangkitkan perkara kekurangan Pembantu-pembantu Hospital di negeri

Terengganu, tetapi apabila saya mengkaji pula keadaan penempatan Pembantu-pembantu Perubatan di negeri Terengganu, terdapat pula pengisian jawatan sebanyak 96.5%; iaitu 110 daripada 114 jawatan di negeri Terengganu diisi, satu kadar pengisian yang lebih kurang sama ataupun lebih baik daripada negeri-negeri yang lain. Kementerian memang akan sentiasa mengkaji kedudukan dan keperluan di satu-satu negeri untuk kakitangan seperti Pembantu Perubatan ini dan menentukan bahawa penempatan akan merupakan satu kadar yang lebih seimbang di antara negeri-negeri dan di antara keperluan-keperluan perkhidmatan kita.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar saya mengucapkan terima kasih juga. Beliau nampaknya menyokong kepada Akta Pindaan ini dan beberapa teguran yang dikemukakan oleh beliau kami di Kementerian dapat juga menerimanya. Memang perkara-perkara yang dibangkitkan itu sudah dalam kajian Kementerian. Umpamanya pegawai-pegawai Pembantu Perubatan ini ada setengahnya yang digunakan untuk tugas-tugas yang terletak di luar bidangkuasa dan latihan Pembantu-pembantu Perubatan ini. Baru-baru ini Kementerian telah mengaturkan untuk Pembantu-pembantu ini dikeluarkan daripada urusan rekod-rekod perubatan atau urusan penyeliaan dapur dan sebagainya dan beberapa di antara pegawai ini yang telah lama berkhidmat di bahagian rekod-rekod perubatan telah diberi pilihan untuk menetap terus atau dapat diserap ke dalam perkhidmatan Pembantu Rekod-rekod Perubatan. Tugas-tugas mereka ini adalah ditumpukan lebih banyak kepada hospital-hospital, klinik-klinik dan tugas-tugas yang berkaitan dengan latihan dan tugas asas mereka.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah juga membangkitkan perkara bidang tugas dan tanggungjawab Pembantu-pembantu Perubatan dan mengatakan bahawa mereka ini, iaitu Pembantu Perubatan, tidak harus diberi kuasa dan tanggungjawab untuk mengendalikan seseorang pesakit secara mereka sendiri dengan tidak ada pengawasan daripada doktor-doktor perubatan. Tujuan Kementerian memanglah seperti itu dan Pembantu-pembantu Perubatan ini biasanya diletak di bawah kelolaan dan pengawasan Pegawai-pegawai Perubatan dan apabila mereka bertugas di klinik-klinik, khasnya Pusat-pusat Kesihatan di mana tidak ada ditempatkan seorang doktor secara kekal, mereka ini juga bekerja di bawah garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian dan dengan pengawasan dan kelolaan daripada doktor-doktor walaupun doktor itu hanya dapat melawat ke klinik itu seminggu sekali atau sebagainya.

Kita masih berkurangan pegawai-pegawai perubatan dan adalah tidak dalam kemungkinan Kerajaan kita atau negara kita jika segala kemudahan rawatan dan kesihatan yang kita perlu bagi kesejahteraan rakyat kita hendak dijalankan oleh doktor-doktor sahaja. Di mana-mana pun pegawai-pegawai para medic sedang diberi latihan dan peranan yang lebih penting daripada membantu sahaja kepada doktor-doktor hanya apabila doktor-doktor terdapat di kemudahan perubatan. Jika tidak, perkhidmatan kesihatan kita tidak dapat meliputi seluruh negara seperti yang kita dapat membuat pada masa ini, Pegawai-pegawai yang diletak di pusat-pusat kesihatan, di klinik-klinik desa, klinik bidan dan sebagainya adalah semuanya diberi latihan yang memuaskan dan cukup untuk mereka menjalankan tugas-tugas yang diberi kepada

mereka. Pengawasan dan kelolaan kepada tugas mereka itu daripada doktor-doktor adalah satu yang menjadi sebahagian peraturan yang kita mengikuti.

Saya haraplah kita dapat menerima peranan pegawai-pegawai para medic seperti Pembantu Perubatan, Jururawat, Bidan-bidan dan sebagainya dalam perkhidmatan kesihatan dan perawatan bukan sahaja sebagai satu langkah mengatasi kekurangan doktor tetapi juga sebagai satu peranan yang sebenar, satu peranan yang dapat ditauliahkan sebagai satu yang baik, satu yang berkesan dan satu yang wajar. Tidak usahlah kita memikirkan bahawa mereka ini tidak boleh digunakan selain daripada sebagai pembantu kepada doktor yang terdapat di tempat-tempat seperti itu. Jika kita memikirkan sebegini, sudah tentu kita terpaksa menutup beberapa kemudahan kesihatan yang dihargai oleh rakyat kita dan yang telah membawa kemajuan yang banyak dalam bidang kesihatan di negara kita ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah, iaitu untuk menambah lagi jawatan Pembantu Perubatan di Sarawak dan kawasan-kawasan luar bandar, perkara ini adalah di dalam perhatian Kementerian dan kita akan berusaha untuk menempatkan lebih ramai lagi apabila kita dapat kakitangan yang cukup bagi berbuat demikian. Beliau juga telah mencadangkan bahawa pegawai-pegawai ini tidak diletakkan berkhidmat di luar-luar bandar lebih daripada dua tahun oleh kerana susah payah untuk mereka di situ selama dua tahun. Saya pun tahu juga, Pembantu-pembantu Perubatan di negeri Sarawak, di Semenanjung dan sebagainya yang memang suka menetap di tempat-tempat di mana mereka telah bertugas lebih daripada

dua tahun dan tidak minta untuk ditukarkan. Tetapi segala permintaan untuk penukaran pegawai-pegawai sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, saya rasa, telah memberi beberapa cadangan yang susah untuk saya menjawab oleh kerana ada perkara-perkara yang berkaitan dengan bergendang dan sebagainya yang biasanya tidak dibincangkan dalam Kementerian Kesihatan. Saya tidak dapat menafikanlah, tidak ada bukti atau asas daripada pihak saya sendiri untuk confirm atau deny apa yang dikatakan itu tetapi saya dapat menerima pendapat-pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus bahawa cara approach kakitangan hospital-hospital kepada pesakit-pesakit itu adalah penting dan jika mereka ini dapat berlemah lembut dan dapat memberi galakan kepada pesakit, pesakit itu akan lebih segar dan lebih yakin kepada rawatan yang diberikan kepadanya. Walau bagaimanapun jika Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus sanggup berhadapan dengan Majlis Perubatan Negara (Medical Council), saya boleh mengaturkan satu perjumpaan di antara Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus dengan Medical Council ini untuk membincangkan perkara bergendang kepada pesakit-pesakit yang ada di hospital-hospital kita. Saya takut sahaja bahawa bunyi yang besar itu, setengah pesakit tidak dapat menerimanya. Tetapi jika Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus dapat membuktikan, mungkin Majlis Perubatan Negara kita akan dapat membincangkan perkara seperti itu!

Beliau juga berpendapat bahawa gelaran atau istilah Pembantu Perubatan yang dicadangkan pada masa ini untuk mengganti istilah Pembantu Hospital tidak begitu wajar. Adalah lebih baik, kata beliau, kita menukar nama kepada Pembantu

Pesakit. Saya rasa istilah Pembantu Pesakit juga mempunyai beberapa kerumitan, kerana Pembantu Pesakit ini selalu dihubungkan dengan First Aid, iaitu bantuan kecemasan kepada mereka yang di dalam keadaan darurat atau kecemasan. Kita telah memikirkan perkara ini dan memandangkan kepada peranan, latihan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh pegawai-pegawai ini, kita telah berpendapat bahawa gelaran Pembantu Perubatan itu adalah lebih sesuai terhadap pegawai-pegawai ini.

Saya rasa satu bahagian yang besar perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah pun dapat menjawab dalam jawapan saya tadi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang beberapa cadangan yang diberikan. Kementerian mengucapkan terima kasih dan akan mengambil perhatian terhadap cadangan-cadangan itu. Di atas sokongan kepada Rang Undang-undang ini saya juga mengucapkan terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual I dan II diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.51 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Keseksaan (Negeri-negeri Melayu Bersekutu Bab 45) dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Kanun Prosedur Jenayah (Negeri-negeri Melayu Bersekutu Bab 6) dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di awal tahun 1983 Akta Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1983 telah meminda Kanun Keseksaan untuk memasukkan Seksyen baru 298A ke dalam Kanun Keseksaan itu.

Seksyen baru ini telah dimasukkan ke dalam Bab 15 Kanun Keseksaan yang membuat peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan agama dan yang telah pun mengandungi Seksyen-seksyen 295 hingga 298 yang membuat peruntukan mengenai pelbagai kesalahan yang berhubungan dengan perbuatan-perbuatan yang boleh menyinggung perasaan keagamaan orang lain dan boleh mengganggu ketenteraman awam.

Di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan keselamatan negeri dan ketenteraman awam termasuk di dalam senarai Persekutuan iaitu perkara-perkara itu adalah perkara-perkara yang menjadi

tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Dan yang mengenainya Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang.

Oleh yang dimikian, apa-apa perbuatan atau aktiviti mana-mana orang atau kumpulan orang dari mana-mana agama yang memudaratkan ketenteraman awam, keamanan, kesejahteraan dan keselamatan dalam negeri di negara ini atau di mana-mana bahagian negara ini hanya boleh dilarang dan dijadikan suatu kesalahan jenayah yang boleh dihukum melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen.

Agama merupakan satu perkara yang boleh dieksploit dan digunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab untuk mengelirukan dan membangkitkan emosi supaya keamanan dan ketenteraman awam akan terganggu secara dan setakat yang boleh mengancam keselamatan negara ini.

Selalunya anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab ini didorong oleh matlamat-matlamat yang sempit dan mementingkan diri sendiri iaitu matlamat untuk mendapatkan kuasa politik.

Pengalaman yang didapati daripada peristiwa-peristiwa di tempat-tempat lain di dunia menunjukkan bahawa kecuali jika segala usaha dibuat oleh Kerajaan dengan cepat dan berkesan bagi mencegah berlakunya ketakharmonian dan percanggahan di antara orang-orang dan kumpulan-kumpulan yang menganut agama yang sama maka suatu ancaman yang serius terhadap keamanan, kestabilan, perpaduan dan keselamatan negara ini mungkin timbul.

Seksyen 298A yang ada sekarang memperuntukkan bahawa seseorang yang disabitkan atau atas satu kesalahan di bawah Seksyen ini boleh

dihukum penjara bagi suatu tempoh yang boleh mencapai tiga tahun. Sebagai ganti kepada hukuman penjara atau sebagai tambahan kepada hukuman penjara dia boleh juga dihukum denda. Amaun denda ini terpulanglah kepada budibicara mahkamah. Jadi, peruntukan mengenai hukuman yang ada sekarang memberi mahkamah budibicara untuk mengenakan sama ada hukuman penjara atau denda atau kedua-dua hukuman penjara dan hukuman denda. Ini bererti bahawa mahkamah dalam menggunakan budibicaranya boleh mengenakan hukuman denda tanpa hukuman penjara dan denda itu mungkin denda yang sedikit sahaja.

Jika mahkamah memilih untuk mengenakan hukuman penjara hukuman itu mungkin juga hanya hukuman bersyarat sahaja selama satu hari. Ini bermakna pesalah itu akan dibebaskan oleh mahkamah apabila tamat prosiding mahkamah pada hari yang berkenaan. Malah mahkamah juga boleh menjalankan kuasanya untuk meringankan hukuman di bawah Seksyen 173A atau Seksyen 294 Kanun Prosedur Jenayah.

Di bawah Seksyen 173A pesalah itu boleh dibebaskan tanpa suatu sabitan dicatatkan sama ada dengan suatu amaran sahaja atau dengan mengikat satu bond supaya berkelakuan baik bagi suatu tempoh yang boleh mencapai 3 tahun. Tetapi biasanya tempoh itu jauh lebih pendek daripada 3 tahun.

Di bawah Seksyen 294 walaupun jika sesuatu sabitan itu dicatatkan terhadap pesalah, mahkamah masih boleh membebaskannya dengan syarat ia mengikat satu bond supaya berkelakuan baik bagi apa-apa tempoh sebagaimana diarah oleh mahkamah tanpa mengenakan apa-apa hukuman.

Di bawah Seksyen 298A (2) kini terdapat peruntukan bagi mengenakan

tempoh penjara tambahan sehingga 5 tahun jika kesalahan itu dilakukan berhampiran dengan suatu tempat ibadat atau suatu perhimpunan yang sedang menjalankan kerja ibadat atau upacara agama. Tetapi di sini sekali lagi adalah terletak kepada budibicara mahkamah sama ada hendak mengenakan denda atau penjara. Dan amaun denda atau tempoh penjara itu adalah juga terletak kepada budibicara mahkamah.

Di samping itu, kuasa-kuasa untuk meringankan hukuman di bawah Seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah yang saya sebutkan tadi masih terbuka kepada mahkamah.

Maka oleh yang demikian setelah mengkaji dengan teliti Kerajaan berpendapat bahawa hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi kesalahan itu hendaklah mencerminkan keseriusan kesalahan tersebut dan ancaman kepada ketenteraman, kesejahteraan, ketenangan, kestabilan dan keselamatan awam yang boleh ditimbulkan oleh kesalahan-kesalahan yang sedemikian. Hukumannya hendaklah sedemikian rupa supaya boleh menjadi satu pencegah yang berkesan kepada mereka yang berkemungkinan melakukan kesalahan tersebut atau yang rela dijadikan alat oleh kumpulan-kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai tujuan dan rancangan yang jahat untuk mengucar-kacirkan negara ini dan menyebabkan huruhara dan pertumpahan darah supaya mereka ini boleh merebut kuasa dalam keadaan-keadaan sedemikian. Justeru itu di bawah Fasal 2 (a) Rang Undang-undang ini adalah dicadangkan untuk meminda hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 298A (1) yang ada sekarang kepada hukuman minima penjara selama 2 tahun dan hukuman maksimum penjara selama 5 tahun. Dengan pindaan ini, jika mahkamah

dapati seorang itu bersalah di bawah seksyen 298A (1), mahkamah mempunyai kewajipan di sisi undang-undang untuk mengenakan satu hukuman penjara yang tidak kurang daripada 2 tahun ke atas orang tersebut, tetapi mempunyai budi bicara untuk mengenakan hukuman penjara yang lebih tinggi dengan syarat tempoh tersebut tidak lebih daripada 5 tahun. Untuk memastikan supaya sesuatu tempoh penjara di antara 2 tahun hingga 5 tahun dikenakan ke atas seseorang pesalah yang didapati bersalah melakukan sesuatu kesalahan di bawah seksyen 298A (1).

Fasal 2 (b) Rang Undang-undang ini menggantikan subseksyen (2) seksyen 298A yang ada sekarang dengan subseksyen 2 baru yang memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah tidaklah terpakai bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 298A (1). Kesannya ialah bahawa kuasa mahkamah untuk meringankan hukuman di bawah seksyen-seksyen tersebut telah dikeluarkan. Dalam lain-lain perkataan, jika sesuatu pertuduhan bagi kesalahan di bawah seksyen 298A (1) dibuktikan terhadap seseorang pesalah, adalah tidak mungkin bagi mahkamah untuk tidak mensabitkan pesalah itu dan tidak mencatatkan sabitan terhadapnya atau untuk melepaskannya dengan hanya memberi amaran atau setelah ianya menyempurnakan suatu bond kelakuan baik. Dalam setiap kes di mana pertuduhan itu dibuktikan terhadap seseorang pesalah, mahkamah haruslah menghukumkan pesalah itu menjalankan hukuman penjara yang tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun. Berikutan dengan peruntukan bagi hukuman penjara yang mandatory, peruntukan yang ada sekarang dalam seksyen 298A (2) bagi hukuman tambahan sehingga 5 tahun penjara mengenai kesalahan di bawah seksyen

298 (1) yang dilakukan berhampiran dengan sesuatu tempat ibadat atau suatu perhimpunan yang menjalankan kerja ibadat atau upacara agama adalah dikeluarkan.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi pindaan-pindaan tertentu kepada Jadual Pertama Kanun Prosedur Jenayah berkenaan dengan kesalahan di bawah seksyen 298A berikutan dengan peruntukan baru mengenai hukuman dan pengeluaran hukuman tambahan di bawah seksyen 298A (2) yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (Negeri-negeri Melayu Bersekutu Bab 45) dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Kanun Prosedur Jenayah (Negeri-negeri Melayu Bersekutu Bab 6) dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.08 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah berbangkit daripada cadangan-cadangan cukai di dalam Belanjawan 1985.

Di sini saya mohon memberi penjelasan tentang beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bab II Rang Undang-undang adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, subseksyen 6 pada seksyen 45 Akta ini merujuk kepada paras pengecualian cukai keuntungan berlebihan sebanyak \$100,000 yang dibahagikan dengan sewajarnya antara suami-isteri jika isteri telah memilih untuk cukai yang ditaksir secara berasingan.

Fasal 4 meminda subseksyen ini dengan menaikkan had pengecualian untuk cukai keuntungan berlebihan dari \$100,000 kepada \$300,000. Ini adalah selaras dengan pindaan yang telah dibuat kepada seksyen 3 (a) Akta Cukai Pendapatan 1967 melalui Belanjawan 1985.

Bab III, Tuan Yang di-Pertua, adalah berkenaan pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967. Fasal 6 meminda seksyen 18 ini dengan memasukkan perenggan baru (m) selepas perenggan (l) untuk menghadkan potongan yang dibenarkan bagi bayaran sewaan motokar kepada \$25,000. Pindaan ini akan mengimbangkan dengan perbelanjaan kelayakan bagi kenderaan tersebut yang akan dinaikkan kepada \$25,000 dengan pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 7. Pindaan-pindaan ini akan menyelaraskan Akta dengan pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 dalam Belanjawan 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya

ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TAKAFUL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.17 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Takaful 1984 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan kepada Akta Takaful 1984 telah dicadangkan sebagai usaha untuk mengatasi kekurangan tertentu bagi membolehkan syarikat takaful menjalankan urusniaganya dengan licin. Pindaan-pindaan ini bertujuan mengadakan peruntukan supaya syarat menjadi ahli persatuan takaful sebelum menjalankan perniagaan takaful ditangguhkan dahulu mengatasi

kesilapan typography dan bertujuan menerangkan dengan lebih jelas lagi kedudukan Akta Takaful berhubung dengan undang-undang lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan gambaran yang lebih jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai cadangan pindaan Akta Takaful ini, saya akan menerangkan setiap Fasal dalam Rang Undang-undang ini.

Kehendak-kehendak Bagi Menjalankan Perniagaan—

Menurut seksyen 4 (2) (d) Akta Takaful 1984, sesebuah syarikat takaful adalah dikehendaki sebagai suatu pra-syarikat baginya sebelum dapat menjalankan urusniaganya di bawah Akta tersebut menjadi ahli persatuan takaful yang diluluskan oleh Menteri. Memandangkan bahawa hanya satu sahaja syarikat takaful akan dilesenkan buat permulaan supaya menentukan kelicinan dan kejayaan pelaksanaan konsep takaful ini, maka suatu peruntukan perahlian perlu diadakan. Bagi maksud ini, Fasal 2 Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 1985 membuat peruntukan untuk memasukkan satu proviso ke dalam seksyen 4 (2) (d) supaya pemakaian keperluan seksyen 4 (2) (d) itu ditangguhkan sehingga satu persatuan takaful ditubuhkan.

Pendaftaran Pengendali Takaful

Tuan Yang di-Pertua, maksud yang sebenar seksyen 8 (4) Akta Takaful 1984 ialah bahawa Ketua Pengarah Takaful boleh enggan mendaftarkan syarikat takaful sekiranya nama syarikat itu mungkin memperdaya disebabkan persamaan namanya dengan nama mana-mana badan lain.

Satu kesilapan typography telah terjadi di mana perkataan “tidak” telah terdapat di barisan 3 kepada seksyen 8 (4) dan ini telah memberikan

maksud sebaliknya. Perkataan “tidak” di barisan 3 itu perlu dibatalkan dan bagi maksud ini fasal 3 kepada Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 1985 membuat peruntukan bagi membatalkan perkataan itu.

Mengenai pemakaian undang-undang lain, seksyen 67 Akta Takaful 1984 menerangkan kedudukan Akta itu berhubung dengan peruntukan Akta Syarikat 1965, Akta Kontrak 1950, Akta Insurans 1963, Ordinan Pengangkutan Jalan 1958 dan Akta Koperasi telah pun diperuntukkan supaya Akta Takaful 1984 mengatasi peruntukan-peruntukan Akta-akta dan Ordinan yang tersebut itu. Bagi menerangkan dengan lebih jelas dan mengelak keraguan akan peruntukan tersebut, satu peruntukan baru yang terkandung dalam fasal 4 (b) Rang Undang-undang telah diadakan.

Fasal 4 (b) Rang Undang-undang mencadangkan peruntukan baru iaitu bahawa peruntukan Akta Insurans 1963 tidaklah terpakai berhubung dengan syarikat atau pertubuhan untuk didaftarkan di bawah Akta Takaful. Seterusnya peruntukan baru ini menetapkan bahawa syarikat atau pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Takaful masih dikehendaki mematuhi kehendak undang-undang lain dalam menjalankan perniagaan takafulnya kecuali terdapat pengecualian tertentu dalam undang-undang lain itu.

Mengenai Jadual Pertama, Tuan Yang di-Pertua, satu kesilapan typography telah berlaku di dalam perenggan 4, Jadual Pertama kepada teks Bahasa Malaysia di mana perkataan “pusaka” telah terdapat di barisan 1 dan 4 dan ini perlu dibatalkan. Fasal 5 Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 1985 membuat peruntukan bagi membatalkan perkataan ini.

Sebagai kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan

kepada Dewan yang mulia ini bahawa pindaan-pindaan ini adalah perlu untuk membolehkan Syarikat Takaful menjalankan perniagaannya dengan licin supaya ianya dapat memenuhi hasrat Kerajaan untuk menyerapkan nilai-nilai Islam dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Takaful 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi **sebahagian** daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.26 ptg.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacita memohon izin untuk mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perikanan 1984 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang saya ingin memberikan sedikit penjelasan tentang Undang-undang Laut Antarabangsa dan kaitannya dengan Rang Undang-undang Perikanan ini.

Bangsa-bangsa Bersatu telah mengadakan beberapa konvensyen mengenai Undang-undang Laut yang dinamakan United Nation Convention on the Law of the Sea. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ada seorang ahli bangun, Yang Berhormat!

Tuan Sim Kwang Yang: Saya hendak penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua ke atas suatu point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Apakah point of order? Duduk sebentar Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Mengikut Peraturan Mesyuarat, satu Rang Undang-undang mesti diberi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum Rang Undang-undang itu boleh dibacakan kali kedua. Mengikut Standing Order 53 (2) dalam bahasa Inggeris, dengan izin:

“(2) No Bill shall be read a second time until it has been circulated to members.”

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Seperti yang saya sedar, Rang Undang-undang Perikanan ini baru diberi kepada saya hari ini pada pukul 2.30 petang dan ianya pun ada jelaskan Rang Undang-undang ini hendaklah menggantikan Rang Undang-undang yang telah diedarkan dahulu dan saya mengandaikan bahawa mungkin ada perbezaan di antara Rang Undang-undang ini dengan Rang Undang-undang asal yang telah diedarkan dahulu iaitu minggu lalu dan dengan ini semua Ahli-ahli Yang Berhormat tidak ada masa yang cukup untuk mengkaji isi kandungan Rang Undang-undang ini, yang diberikan pada hari ini. Dan saya memohon supaya mungkinlah Tuan Yang di-Pertua mahu buat satu keputusan sama ada Dewan yang mulia ini akan ditangguhkan mungkin supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengkaji dengan lebih dalam untuk memberi sumbangan yang lebih bermakna. Sekian.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Boleh saya jelaskan sedikit, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Rang Undang-undang Perikanan 1984 telah pun diedarkan dalam sesi yang lalu. Yang diedarkan pada hari ini hanyalah dengan pembetulan-pembetulan yang tidak merubah apa-apa substance, cuma beberapa ejaan dan perkataan terutama dalam naskah Bahasa Malaysia dan Inggeris terutama comma dan fullstop dan satu dua teknikal term tanpa merubah apa-apa pun perubahan substance atau isinya.

Tuan Sim Kwang Yang: Walaupun demikian saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri tetapi hanya Yang Berhormat Menteri tahu apa perbezaan di antara naskah ini dengan naskah yang terdahulunya dan mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat mesti diberi peluang untuk mengkaji apa perbezaan yang wujud.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 53 telah dibangkitkan berkenaan dengan persoalan sama ada pembentangan Rang Undang-undang ini untuk dibacakan kali yang kedua adalah sah atau tidak di sisi Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. Peraturan Mesyuarat 53 (1) berbunyi:

“Jika hendak dibincangkan Rang Undang-undang itu dalam persidangan atau mesyuarat yang akan datang, maka pemberitahu hendak dibacakan kali yang kedua mestilah dikeluarkan sebaik-baik sahaja selepas bacaan kali yang pertama.”

Peraturan Mesyuarat 53 (2) berbunyi:

“Rang Undang-undang tidak boleh dibacakan kali yang kedua sehingga telah dihantar kepada Ahli-ahli.”

Peraturan Mesyuarat 53 (3), (4) dan seterusnya adalah huraian mengenai prosedur.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya memutuskan.

Pembentangan Rang Undang-undang ini telah pun mengikut perjalanan Peraturan Mesyuarat 53 (1) dalam mana pemberitahu telah pun diberi ketika bacaan kali yang pertama dahulu.

Mengenai Peraturan Mesyuarat 53 (2), saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha sama ada Rang Undang-undang ini telah dihantar kepada Ahli-ahli.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat duduk dahulu, selepas saya akhiri keputusan saya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai sama ada sah atau tidaknya pembentangan Rang Undang-undang ini mengikut Peraturan Mesyuarat 53 (2), Rang Undang-undang ini telah pun berada di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat semenjak pagi tadi, maka beralas oleh dua sebab-sebab yang saya huraikan tadi, saya memutuskan bahawa pembentangan Rang Undang-undang ini untuk dibaca kali yang kedua adalah sah.

Saya menjemput Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana Ahli Yang Berhormat berkenaan akan dapat ikuti nanti tidak ada perubahan sama sekali dari teks yang asal diedarkan melainkan beberapa perkataan, umpamanya "Kerajaan" digantikan dengan "Kerajaan Malaysia" dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang, saya ingin memberikan sedikit penjelasan tentang Undang-undang Laut Antarabangsa dan kaitannya dengan Rang Undang-undang Perikanan ini. Bangsa-bangsa Bersatu telah mengadakan beberapa konvensyen mengenai Undang-undang Laut yang dinamakan United Nation Convention on the Law of the Sea (UNCLAS).

Konvensyen yang pertama telah diadakan pada tahun 1958 untuk membincangkan perkara-perkara tentang laut wilayah, laut bebas (high seas), continental shelves, perikanan dan pemuliharaan sumber-sumber kehidupan di dalam laut. Konvensyen kedua telah diadakan pada tahun 1960 untuk membincangkan had mengenai perairan wilayah (territorial waters) dan hak-hak perikanan.

Kedua-dua konvensyen tersebut telah gagal mencapai apa-apa persetujuan yang menyeluruh. Pihak

Bangsa-bangsa Bersatu telah mengadakan konvensyen yang ketiga yang bermula pada tahun 1973 untuk mencapai consensus yang menyeluruh berkaitan dengan hal ehwal laut. Pada bulan Disember, 1982 upacara menandatangani konvensyen tersebut telah diadakan di Caracas, Venezuela. Negara Malaysia beserta 130 negara lain telah menandatangani perjanjian tersebut termasuk peruntukan-peruntukan mengenai Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Perjanjian ini berkuatkuasa dalam masa satu tahun selepas sekurang-kurangnya 60 buah negara mengesahkan perjanjian tersebut.

Perkara yang paling penting yang dipersetujui dalam Konvensyen UNCLAS adalah tentang perluasan perairan sehingga 200 batu nautika dari garis dasar dari mana perairan wilayah diukur. UNCLAS juga memberi peruntukan supaya negara-negara pantai seperti Malaysia dibenarkan mengkaji, meneroka dan mengurus semua sumber-sumber kehidupan di dalam perairan perikanan.

Bagaimanapun negara pantai diwajibkan mengurus sumber-sumber mereka dengan cara yang wajar dan saintifik dan perlu meneroka sumber-sumber ini ke tahap optima tanpa menjejaskan sumber-sumber tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menuntut Zon Ekonomi Eksklusif dengan cara pengisytiharan pada 25hb April, 1980 dan seterusnya mengumumkan hak kedaulatan serta bidang kuasa Malaysia ke atas sumber-sumber laut di dalam Zon tersebut. Dengan perluasan kawasan perairan perikanan Malaysia serta tanggungjawab yang di bawah Konvensyen Undang-undang Laut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah didapati bahawa Akta Perikanan 1963 tidak lagi sesuai.

Akta Perikanan 1963 dikuatkuasakan selama 22 tahun dan digubal pada mulanya untuk

menguruskan hal ehwal perikanan dalam kawasan perairan wilayah Malaysia dan tertumpu khususnya kepada bot-bot nelayan tempatan.

Tatkala Undang-undang ini digubal, tidak terdapat banyak pencerobohan dari bot-bot asing. Tahap eksploitasi oleh bot-bot tempatan pada masa itu adalah di peringkat awal dan jauh kurang dari tahap optima. Justeru itu, adalah perlu diwujudkan satu Rang Undang-undang Perikanan baru untuk pemuliharaan, pengurusan, penyelidikan dan eksploitasi sumber-sumber hidup dan menguatkuasakan tuntutan hak-hak kedaulatan Malaysia di perairan perikanan Malaysia.

Di samping itu tindakan juga perlu diambil untuk memperkemas, memperkukuh dan menyeragamkan Undang-undang Perikanan yang berkuatkuasa sekarang supaya pengurusan hal-hal perikanan dapat dijalankan dengan lebih licin dan berkesan lagi.

Oleh yang demikian, Rang Undang-undang Perikanan 1984 telah digubal untuk meluaskan kuasa Malaysia mentadbir dan mengurus sumber perikanan meliputi perairan perikanan Malaysia iaitu perairan dalaman (inland waters), perairan wilayah (territorial waters) dan perairan Zon Ekonomi Eksklusif.

Oleh sebab itu adalah penting bahawa Rang Undang-undang Perikanan 1984 dikuatkuasakan dengan secepat mungkin supaya Malaysia dapat menguatkuasakan tuntutan hak-hak kedaulatan Malaysia di perairan perikanan Zon Ekonomi Eksklusif.

Rang Undang-undang Perikanan 1984 selain daripada mengambil kira peruntukan-peruntukan onslaught juga digubal dengan tujuan-tujuan untuk mengurus sumber perikanan dengan mengawal kegiatan bot-bot

tempatan dengan lebih berkesan lagi. Ini adalah perlu memandangkan bahawa tahap eksploitasi di kawasan-kawasan pantai terutamanya di Semenanjung Malaysia telah mencapai paras optima dan ada kalanya melebihi paras optima ini.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk mengawal dan membangunkan bidang akuakultura dan perikanan darat dengan lebih giat lagi. Selain dari itu untuk mencapai objektif pemuliharaan peruntukan-peruntukan mengenai kawasan-kawasan simpanan laut atau taman samudra juga dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini dengan memberi kuasa yang lebih menyeluruh tentang kawalan dan pemuliharaan di kawasan-kawasan batu karang di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan mendalam tentang bahagian-bahagian yang ada dalam Rang Undang-undang Perikanan ini. Rang Undang-undang ini mempunyai 11 bahagian kesemuanya. Bahagian Pertama, dalam Rang Undang-undang ini menyentuh tentang tarikh penguatkuasaan dan juga kaitan mengenai perlembagaan, ia juga menyentuh tentang hak di bidang kuasa Kerajaan Negeri mengenai semua perkara-perkara yang berkaitan dengan perikanan darat. Bahagian ini juga memberi takrif dan definisi perkataan-perkataan yang digunakan dan juga memberi definisi perairan perikanan Malaysia sebagai meliputi perairan wilayah dan juga zon ekonomi eksklusif.

Bahagian Kedua dalam Rang Undang-undang ini menyentuh tentang pentadbiran undang-undang di mana Ketua Pengarah Perikanan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, manakala Timbalan Ketua Pengarah dan juga pegawai-pegawai perikanan yang lain dilantik oleh Menteri. Ketua Pengarah Perikanan juga diberi kuasa

untuk menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai lain. Oleh sebab negara pantai seperti Malaysia dikehendaki oleh ungklos untuk menentukan paras optima sumber yang patut diterokai dan juga menghendaki supaya semua sumber ini diterokai secara optima maka Bahagian Ketiga Rang Undang-undang ini mewajibkan Ketua Pengarah Perikanan untuk menyediakan satu rancangan yang lengkap tentang pengurusan sumber perikanan. Rancangan ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Menteri dan semua program pembangunan perikanan hendaklah mengambil kira rancangan tersebut.

Bahagian Keempat mengandungi peruntukan tentang perlesenan bagi bot-bot tempatan. Peruntukan-peruntukan ini adalah lebih menyeluruh dan lengkap jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Perikanan, 1963.

Perlesenan adalah satu alat pengurusan sumber perikanan yang dipraktikkan oleh banyak negara di dunia termasuk Malaysia. Ketua Pengarah Perikanan diberi kuasa untuk menerima, menimbang, melulus dan menolak permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen-lesen bot dan alat-alat penangkapan ikan. Adalah menjadi kesalahan jika seseorang itu didapati menggunakan alat-alat menangkap ikan tanpa lesen yang sah yang dikeluarkan oleh pegawai perikanan. Untuk tidak menyusahkan nelayan-nelayan kecil, alat-alat seperti jala dan pancing yang digunakan tidak lebih daripada dua matakail dikecualikan mengikut takrif alat-alat dalam Bahagian Pertama. Dalam perlesenan bot-bot menangkap ikan ada sedikit perbezaan dengan sistem lama yang dipraktikkan. Di bawah sistem lama perlesenan bot-bot menangkap ikan dilaksanakan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 di mana

pegawai perikanan diberi kuasa sebagai Timbalan Pegawai Pelabuhan. Perlesenan alat-alat menangkap ikan pula dilaksanakan di bawah Akta Perikanan, 1963. Dalam Rang Undang-undang 1984 Ketua Pengarah Perikanan diberi kuasa untuk melesen bot-bot menangkap ikan berserta dengan alat penangkapan ikan. Seseorang nelayan yang ingin membina sebuah bot menangkap ikan dikehendaki di bawah Rang Undang-undang baru ini untuk mendapat kebenaran dari Ketua Pengarah Perikanan sebelum membina bot tersebut. Pindaan ini adalah difikirkan satu cara yang berkesan untuk mengatasi masalah pembinaan bot-bot haram yang telah menjadi satu masalah yang rumit.

Bahagian Kelima mengandungi undang-undang bagi mengawal kegiatan bot-bot asing. Seksyen 15 di dalam Bahagian ini menghendaki supaya perjanjian dua hala (bilateral) ditandatangani antara Malaysia dengan negara-negara lain atau badan-badan swasta antarabangsa yang ingin menerokai bersama sumber-sumber perikanan dalam perairan perikanan Malaysia. Bahagian ini juga menyentuh tentang kelulusan yang patut diberi tentang bot-bot nelayan asing yang membuat laluan ikhlas (innocent passage) melalui perairan perikanan Malaysia. Ini adalah mengikut kehendak dalam peruntukan UNCLAS. Ketua Pengarah Perikanan adalah dikehendaki untuk menentukan syarat-syarat termasuk bot-bot asing atau badan-badan swasta antarabangsa yang ingin menerokai bersama dalam perairan perikanan Malaysia yang bersedia membantu negara kita di dalam penyelidikan dan pembangunan perikanan. Ketua Pengarah Perikanan dikehendaki memastikan supaya kegiatan nelayan asing tidak akan menjejaskan penangkapan nelayan-nelayan tempatan. Beliau juga dalam menjalani tanggungjawabnya untuk menguruskan sumber secara wajar

boleh menentukan kawasan penangkapan ikan, tempat-tempat pendaratan, mendapat maklumat-maklumat penangkapan ikan dari bot-bot asing supaya bot-bot asing itu dapat sentiasa diawasi sedia oleh Kerajaan.

Bahagian Keenam, adalah berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang ini. Oleh sebab Kerajaan boleh memberi kebenaran kepada bot-bot asing menangkap ikan dalam perairan perikanan Malaysia maka denda yang dikenakan untuk bot-bot asing dan bot-bot tempatan adalah berbeza. Bagi bot-bot nelayan asing denda maksima yang dikenakan ke atas tuan punya bot adalah sebanyak \$1 juta. Denda ini adalah selaras dengan denda dalam Akta Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif yang telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Kuasa mahkamah Malaysia berhubung dengan nelayan-nelayan dan juga bot-bot nelayan asing di bawah Akta Perikanan 1963 terhad kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan meliputi kawasan perairan Wilayah sahaja. Peruntukan juga diberikan kepada Pegawai Penguatkuasa untuk mengenakan kompaun ke atas nelayan-nelayan tempatan yang didapati melakukan kesalahan.

Untuk tujuan tersebut Bahagian ini memperuntukkan kompaun minima sebanyak \$500 berbanding dengan \$200 dalam Akta Perikanan 1963. Denda maksima dinaikkan daripada \$1,000 kepada \$50,000. Kompaun dan denda dinaikkan semata-mata untuk melindungi kepentingan semua kaum nelayan, terutama nelayan-nelayan pantai yang seringkali menghadapi masalah pencerobohan.

Adalah diharapkan dengan adanya peruntukan kompaun dan denda yang tinggi masalah pencerobohan dapat dikurangkan kepada paras yang

minima. Dalam kes-kes tertentu jika mereka yang melakukan kesalahan tidak dapat ditangkap, mahkamah atas budibicaranya berkuasa mengenakan hukuman rampas atas barang-barang atau bot-bot yang telah terbukti digunakan untuk melakukan kesalahan.

Bahagian Ketujuh menyentuh tentang perikanan darat di mana Kerajaan Negeri bertanggungjawab ke atas pembangunan dan pengawalan perikanan darat, Kerajaan Negeri diberi kuasa untuk mengadakan kaedah-kaedah (regulations) bagi tujuan tersebut. Bahagian ini juga memperuntukkan bidang kerjasama di antara Ketua Pengarah dan pihak berkuasa negeri bagi tanggungjawab tersebut.

Dalam Bahagian Kelapan, Ketua Pengarah Perikanan dengan cara rundingan dengan Kerajaan Negeri diberi kuasa dan tanggungjawab untuk merancang pembangunan dan pengawalan dalam bidang akuakultura.

Bahagian Kesembilan menyentuh tentang peruntukan-peruntukan di mana Kerajaan Persekutuan boleh menentukan kawasan-kawasan perairan, pulau-pulau dan perairan Malaysia untuk dijadikan kawasan simpanan laut (marine reserves) sebagai taman samudra atau taman laut untuk tujuan pemuliharaan. Perkara ini tidak diberi perhatian dalam Akta Perikanan, 1963.

Bahagian Kesepuluh, menyentuh tentang penguatkuasaan dan kuasa-kuasa yang diberi kepada Bahagian Penguatkuasa. Berbanding dengan Akta Perikanan, 1963, kuasa-kuasa yang diberi dalam Rang Undang-undang baru ini adalah lebih meluas seperti kuasa untuk membuat pemeriksaan atas pelayaran dan keadaan bot, kuasa untuk mengambil contoh-contoh ikan, kuasa untuk

memeriksa alat-alat menangkap ikan, kuasa untuk merampas racun, bahan-bahan pencemaran, bahan-bahan letupan yang dipercayai telah digunakan untuk melakukan kesalahan. Peruntukan juga diadakan untuk melindungi Kerajaan daripada didakwa atas kerosakan ikan-ikan atau barang-barang yang ditahan.

Rang Undang-undang ini mewajibkan mahkamah mengenakan hukuman rampas atas barang-barang dan bot-bot yang telah terbukti digunakan untuk melakukan kesalahan selaras dengan peruntukan di dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif mengenai perkara yang sama.

Peruntukan sedemikian bertujuan untuk mengadakan perundangan yang berkesan, terutama sekali bagi mengawal pencerobohan bot-bot perikanan asing.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian XI menyentuh tentang perkara am, penyerahan dokumen dan sebagainya. Kuasa diberi kepada Ketua Pengarah Perikanan untuk memberi pengecualian tentang menangkap ikan bagi tujuan latihan dan penyelidikan. Selaras dengan Akta Perikanan 1963 Menteri masih mempunyai kuasa untuk membuat kaedah regulations tentang pemuliharaan, pembangunan dan pengurusan perikanan. Bahagian ini juga memansuhkan Akta Perikanan 1963.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Rang Undang-undang Perikanan 1984 adalah satu undang-undang yang lebih berkesan, kemas dan menyeluruh daripada Akta Perikanan 1963. Undang-undang ini adalah amat perlu kerana adalah sumber perikanan kita pada masa kini telah sampai ke tahap eksploitasi yang memerlukan kawalan-kawalan yang berkesan. Luasnya kawasan ZEE ialah 200 nortika dan dengan eksploitasi yang cekap dan rasional, sumber perikanan negara kita

akan bertambah, insya Allah. Dengan adanya undang-undang baru ini, pengurusan dan pemuliharaan sumber-sumber perikanan akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Sumber perikanan adalah satu sumber yang boleh diperbaiki dan dikekalkan jika diurus dengan wajar, bijaksana dan rasional. Sumber ini adalah amat diperlukan untuk negara bagi memenuhi sumber makanan protin kepada rakyat dan juga meningkatkan pendapatan bagi nelayan-nelayan. Lagi pun negara ini mestilah mengawal kegiatan bot-bot asing yang seringkali mencerooboh perairan perikanan negara dan mengancam nelayan-nelayan tempatan.

Dengan adanya Undang-undang Perikanan 1984 ini maka penguatkuasaan ke atas kegiatan bot-bot asing ini akan menjadi lebih berkesan. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perikanan 1984 dibaca bagi kali kedua.

Dato Shahrir bin Abdul Samad:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta berhubung dengan perikanan, termasuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan penangkapan ikan dan perikanan ke lautan dan muara di perairan perikanan Malaysia, penangkapan ikan di sungai dalam Malaysia dan perkara-perkara yang berkait dengannya atau yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

5.55 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perikanan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, kami dalam DAP dari awal-awal lagi ingin merakamkan hakikat bahawa Rang Undang-undang Perikanan 1984 ini yang melibatkan nelayan-nelayan tempatan adalah melanggar suara hati, bersifat zalim dan "draconian". Kami langsung tidak boleh menyokong dan ingin menyatakan bantahan kami yang paling lantang terhadapnya. Kami berasa kagum bagaimana Menteri berkenaan dapat bentangkan satu Rang Undang-undang sedemikian untuk diperbahaskan di Dewan yang mulia ini dan diluluskan untuk menggantikan Akta Perikanan 1983. Saya berharap bahawa paling kurang bagi Rang Undang-undang ini, Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengkaji pelbagai peruntukannya akan bersetuju bahawa ia tidak sama sekali patut dimasukkan dalam rekod-rekod perundangan.

Peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini menunjukkan bahawa masyarakat nelayan Malaysia khusus di Pantai Barat Semenanjung kini diminta menggantungkan poket-poket mereka, jika tidak, diancam lucut sama sekali daripada hukuman yang diuntukkan di bawah Fasal 25 (b) Rang Undang-undang ini.

Nampaknya Jabatan Perikanan dalam Kementerian Pertanian sedang cuba membalas dendam terhadap nelayan-nelayan tempatan yang bersalah. Saya tidak berapa kagum sama sekali jika pegawai-pegawai di dalam Kementerian yang bertanggungjawab langsung tidak berunding dengan pegawai-pegawai perikanan yang berhubung dengan pekerjaan luar. Ini adalah kerana jika pendapat-pendapat mereka telah diminta mereka

yang bertanggungjawab pasti tidak akan menggubal peruntukan yang begini teruk.

Fasal 25 (b) Rang Undang-undang ini yang memperuntukkan denda tidak melebihi \$50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya ke atas sebarang nelayan tempatan yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini adalah paling bengis, jika tidak, kurang waras sama sekali. Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini adalah hampir-hampir kesemuanya bersifat teknikal dan bukan, dengan izin, penal, atau melibatkan sebarang kehilangan hasil bagi Kerajaan sehingga ia memerlukan hukuman yang sedemikian berat. Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini adalah hampir-hampirnya di bawah satu peruntukan yang seakan-akan sama di dalam Akta yang lama iaitu seksyen 11 (1). Denda maksima adalah \$1,000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya dikenakan.

Adalah langsung tidak boleh difikir dengan menggunakan sebarang rasional bagaimana denda \$1,000 dapat ditambahkan kepada \$50,000 iaitu satu pertambahan kira-kira 5,000%. Jika ini difikirkan waras, saya tidak mengetahui apa lagi yang mungkin difikirkan kurang waras. Seperti yang telah saya nyatakan, mereka yang bertanggungjawab menggubal Rang Undang-undang ini pasti ingin membalas dendam. Patut diingatkan bahawa barang apa pun yang terkandung atau digunakan dalam kelakuan sebarang kesalahan di bawah Akta ini boleh dilucutkan oleh Mahkamah di bawah Fasal-fasal 34 atau 52 (1). Nampaknya kelucutan ini juga adalah wajib dengan semua kes.

Jika semua vessel, dengan izin, kenderaan atau peralatan, seorang nelayan telah pun dilucutkan,

mengapakah dinampakkan perlu seterusnya mengenakan si nelayan itu dengan denda maksima \$50,000. Bukankah ini membalas dendam? Tidakkah memadai jika keseluruhan masa depannya sudah pun terbinasa dengan kelucutan kesemua barangan perikanan kepunyaannya?

Tidakkah Jabatan Perikanan puas dengan memenjarakan si nelayan yang bersalah itu yang pasti akan berlaku jika mereka tidak mampu membayar denda \$50,000 tersebut oleh Jabatan Perikanan?

Kekerasan dan kekurangan kewarasan Fasal 25 (b) tidaklah terpencil begitu sahaja, kerana terdapat beberapa lagi peruntukan-peruntukan lain yang bertanding dengan kezaliman fasal ini, jika tidak menyamainya.

Kuasa mengkompaun kesalahan oleh pegawai perikanan atau polis marin (laut) seperti dinyatakan oleh Fasal 31 (1) Rang Undang-undang ini juga telah dinaikkan dengan sewenang-wenangnya berbanding dengan seksyen lama seksyen 20 Akta 1983.

Di bawah Fasal 31 (1) Rang Undang-undang ini, pegawai-pegawai berkenaan boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, melainkan 4 seksyen, dengan sejumlah minima \$500 dan tidak melebihi denda \$50,000, walhal di bawah Akta lama, jumlah yang boleh dikompaunkan adalah minima \$200 dan tidak melebihi \$1,000.

Di bawah Akta 1983 juga, dengan izin, "anyone who operates a fishing vessel without a valid licence, or operates or has under his control on it his possession fishing appliances without a licence may be compounded". Akan tetapi, di bawah Fasal 31 (1) ini, kesalahan-kesalahan tertentu ini tidak lagi dikompaunkan, tetapi di bawah Fasal 25 (b) boleh

dikenakan denda maksima \$50,000 jika tidak denda khususnya yang diperuntukan. Kezaliman Fasal 25 (b) bersama-sama dengan kesan Fasal 31 Rang Undang-undang ini mewujudkan bingungnya yang baru.

Jika seksyen 3 (1) (a) Fisheries (Maritime) Regulations, 1967 (PU 49 tahun 1967) diluluskan di bawah Akta ini. Kesan kedua fasal ini boleh menyebabkan walau seseorang yang mempunyai tali memancing ikan dengan 3 mata kail pun tanpa lesen yang sah, bersalah bukan sahaja dikompaunkan di bawah Akta ini, tetapi layak membayar denda maksima \$50,000.

Kezaliman yang baru saya nyatakan di sini bukan sahaja terhadap kepada Fasal 25 (b) dan 31 (1) Rang Undang-undang ini, malah berterusan di Fasal 53, yang memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menentang atau dengan sengaja menentang mana-mana pegawai berkuasa atau tidak mematuhi apa-apa kehendak yang dibuat oleh mana-mana pegawai berkuasa, adalah bersalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi \$50,000. Malah Kanun Keseksan pun tidak mengenakan sebarang denda yang begitu berat bagi kesalahan yang seakan-akan sama.

Di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksan, sesiapa yang menahan seseorang kakitangan awam dalam melaksanakan fungsi-fungsinya secara sukarela adalah hanya dihukum penjara 3 bulan atau denda \$250 atau kedua-duanya sekali. Mengapakah Kementerian berkenaan bersikap begitu keras dengan nelayan-nelayan tempatan? Daripada hukuman yang dicadangkan di bawah Fasal 53 Rang Undang-undang ini, nampaknya Jabatan Perikanan menganggap nelayan-nelayan yang bersalah sebagai lebih teruk daripada penjenayah-penjenayah. Sebenarnya mereka

hanya mencari rezeki bagi diri mereka serta keluarga-keluarga mereka. Jadi, semangat yang terkandung di dalam Fasal-fasal 25 (b), 31 (1) dan 53 nampaknya bukan sahaja punitif bahkan adalah amat terlampau tanpa mempertimbangkan kemungkinan hukuman berbentuk pencegahan atau pemulihan. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Fasal 33 (1) yang hanya memburukkan ketidakadilan kepada dilemma nelayan-nelayan yang bersalah.

Di bawah peruntukan-peruntukan Fasal 33 (1), mahkamah juga perlu memerintahkan supaya dibatalkan mana-mana lesen atau permit nelayan yang bersalah, selain daripada membayar denda maksima \$50,000 bersama-sama dengan kelucutan bot serta kelengkapan-kelengkapan perikarannya. Dan jika ia melakukan kesalahan kali kedua, mahkamah hendaklah sebagai tambahan, memerintahnya hilang kelayakan daripada memegang suatu lesen atau permit di bawah Akta ini selepas tempoh tidak melebihi lima tahun, yang paling tidak munasabah adalah bahawa orang itu adalah bersalah melakukan suatu kesalahan jika dia memperolehi atau cuba memperolehi apa-apa lesen atau permit di bawah Akta ini semasa dia hilang kelayakan itu, walaupun permohonan itu dibuat melalui saluran yang rasmi serta wajar.

Bukankah wajar bahawa seseorang yang hilang kelayakan dapat terus didenda hanya jika ia cuba memalsukan lesen atau memperolehinya melalui tipu helah. Keseluruhan Fasal 33 (1) dan (2) adalah terlampau kasar kerana peruntukan-peruntukan punitif di dalam Akta ini sudah mencukupi, yang jika dilaksanakan, akan meninggalkan kesan-kesan yang paling buruk atas rezeki si nelayan, apatah lagi mengharamkannya naik ke laut selama 5 tahun.

Merujuk kepada kuasa-kuasa penguatkuasaan pegawai-pegawai berkenaan di bawah Fasal 46 dan 47 Rang Undang-undang ini berhubung dengan nelayan-nelayan tempatan, kuasa-kuasa yang terkandung di dalamnya adalah terlampau luas dan boleh disalahgunakan pada bila-bila masa.

Saya merujuk khususnya kepada Fasal 47 (1) (a) iaitu peruntukan berleluasa untuk masuk dan mengeledah mana-mana tempat tanpa waran mana-mana tempat yang ia ada alasan bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini hampir dilakukan atau telah dilakukan. Kuasa-kuasa sedemikian yang begitu luas untuk masuk serta mengeledah khususnya di mana sesuatu kesalahan tidak dilakukan, adalah suatu pelanggaran hak privacy seseorang. Kuasa-kuasa yang sedemikian luas akan bukan sahaja membuka saluran-saluran baru bagi amalan-amalan rasuah, tetapi juga memberikan kebebasan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa untuk mengganggu masyarakat perikanan dengan kebebasan undang-undang yang hampir-hampir diperuntukkan di bawah Fasal 55 (1) dan (2) Rang Undang-undang ini.

Fasal 55 (2) tidak akan membuat mana-mana pegawai berkuasa bagi kelakuan-kelakuan mereka, kecuali terdapat keterangan *prima facie* tentang kecuaiian melampau, dengan izin, gross negligence. Mengapa kecuaiian melampau? Mengapakah standard of care, dengan izin, yang lazim untuk menentukan liability mereka? Mengapakah perlindungan sedemikian diberikan kepada pegawai-pegawai berkuasa?

Adalah menjadi suatu prinsip undang-undang yang diterima bahawa pegawai-pegawai Kerajaan adalah dijangka dan bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas serta fungsi-

fungsi mereka dalam cara yang munasabah. Jika tidak, tindakan-tindakannya mungkin merupakan pelanggaran hak-hak seseorang individu.

Pihak DAP tidak boleh menerima pemberian kuasa yang begitu luas termasuk pengecualian undang-undang yang hampir-hampir mutlak ke atas pegawai-pegawai berkuasa, yang seakan-akan menjadikan mereka seperti "gangster berlesen" untuk mengacau masyarakat perikanan dengan sewenang-wenangnya.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini kepada Fasal 50 dan 51 berhubung dengan jaminan yang perlu diberikan semasa memulangkan vesel, kenderaan atau benda-benda itu untuk sementara waktu dan keperluan pesalah membayar kos menahan vesel jika didapati bersalah melakukan kesalahan itu.

Jumlah jaminan yang diperuntukkan di bawah Fasal 50 (2) adalah amat mustahil. Ia adalah sebaik menghalang pemulangan sementara bot tersebut. Di bawah peruntukan Fasal ini, jaminan yang diperlukan adalah nilai agregat vesel, perbelanjaan yang dilakukan untuk mencetak vesel dan denda maksima yang boleh dikenakan atas defenden jika didapati bersalah. Jadi, nampaknya jumlah jaminan minima yang perlu dibayar tidak akan kurang daripada \$70,000 atau \$80,000. Seorang nelayan tempatan pasti tidak mampu membayar jaminan yang demikian. Jumlah yang dinyatakan kini memperkecil-kecilkan keseluruhan Fasal 50 Rang Undang-undang ini.

Fasal 51 yang memperuntukkan bahawa kos menahan bot sementara menunggu selesainya sesuatu prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Malaysia oleh pemegang lesen atau empunya, juga adalah suatu

peruntukan yang tidak adil, tanpa merujuk kepada Akta 1963.

Untuk memburukkan lagi keadaan, Fasal ini hanya membisu berhubung dengan kadar kos menahan sesebuah bot. Ini akan hanya menjadikan nelayan-nelayan umpan kepada agensi-agensinya kuatkuasa, berhubung dengan jumlah kos yang mereka perlu dibayar. Ini masih tidak mempertimbangkan hakikat bahawa sesuatu kos mungkin memakan masa lebih dari setahun untuk diselesaikan oleh mahkamah-mahkamah.

Tanpa diberikan suatu peluang tulin untuk memohon bagi pelepasan sementara sesebuah vesel atas jaminan boleh kerana jumlahnya yang terlibat di bawah Fasal 50 (2), seseorang nelayan yang bersalah tidak mempunyai apa-apa pilihan melainkan membenarkan botnya ditahan. Jika didapati bersalah, beliau akan menanggung penderitaan bukan double tetapi triple jeopardy, iaitu ia perlu membayar denda setinggi \$50,000; kelucutan bot dan alat-alat kelengkapan perikanannya dan juga membayar Kerajaan Malaysia kos menahan botnya. Ini tidaklah termasuk kelucutan lesen atau permit-permitnya dan kemungkinan ditarik kelayakannya daripada memegang lesen atau permit daripada sedemikian selama kira-kira 5 tahun.

Akhir sekali, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada Fasal 10 (1) (c) Rang Undang-undang ini yang tidak melayakkan seseorang yang bukan warganegara Malaysia melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti penangkapan ikan yang berhubung dengan vesel penangkap ikan tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah. Walaupun peruntukan ini kononnya ditujukan kepada warganegara asing, akan tetapi pemastautin tetap di negara ini yang memegang kad pengenalan merah akan terpengaruh dengan peruntukan ini.

Saya memahami bahawa terdapat sebilangan besar pemegang-pemegang kad pengenalan merah sedemikian di kalangan masyarakat perikanan Malaysia, khususnya di Melaka dan Negeri Sembilan. Mereka ini akan dengan sesia dipersusahkan dengan kelulusan Rang Undang-undang ini. Walaupun had-had ini tidak bermakna suatu penghalang langsung khususnya jika permintaan bertulis dari Ketua Pengarah diperolehi, pemegang kad pengenalan merah akan masih terdedah kepada masalah-masalah birokratik sebelum kelulusan bertulis diperolehi.

Saya tidak memahami rasional mengenakan had-had sedemikian, manakala pada masa yang sama di negara ini, pendatang-pendatang haram Indonesia, Filipina dan Burma adalah diberikan kelulusan yang halus oleh pihak berkuasa untuk bekerja, tanpa permit atau lesen yang sah.

Kami di dalam DAP mendesak Menteri berkenaan menarik balik Rang Undang-undang ini kerana dalam bentuknya sekarang ini ia akan sama ada membawa kepada kemusnahan masyarakat perikanan atau menghantar majoriti kepada mereka ke dalam penjara. Rang Undang-undang ini patut ditarik balik untuk membenarkan pendapat-pendapat badan-badan perikanan dan pegawai-pegawai perikanan di luar disuarakan sebelum undang-undang yang sebegini teruk dibenar diluluskan. Ini khususnya memandangkan bahawa rezeki mereka akan terjejas.

Salah satu daripada tujuan-tujuan utama Rang Undang-undang ini adalah untuk mengawal aktiviti-aktiviti perikanan nelayan-nelayan tempatan. Sudah pastilah bahawa pengawalan sedemikian mesti dilaksanakan dalam cara yang adil dan berperikemanusiaan, bukan zalim. Masyarakat perikanan tempatan kebanyakannya terdiri daripada

mereka yang buta huruf yang hanya ingin mencari rezeki yang jujur bagi diri mereka serta keluarga-keluarga mereka.

Bagi kebanyakan daripada mereka, perikanan hanya merupakan cara tunggal mencari mata pencarian, yang dalam kebanyakan kes, diajar dari generasi ke generasi. Kalau jahil akan hakikat ini, maka nelayan-nelayan tempatan hanya dianggap sebagai penjenayah-penjenayah yang patut diburu. Ini adalah paling tidak berperikemanusiaan.

Selain daripada menggubal undang-undang yang begini kasar, Kerajaan sepatutnya mencari jalan-jalan lain untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka menuju tujuan ini, khususnya berhubung dengan nelayan-nelayan di pantai barat Semenanjung Malaysia, Kerajaan patut mendudukkan mereka semula di skim-skim tanah, seperti yang sedang dilakukan di pantai timur Semenanjung Malaysia, tetapi bukan di pantai barat.

Satu bidang yang patut dieksploitasi oleh Kerajaan adalah perikanan laut dalam yang sehingga kini masih belum dibangunkan sepenuhnya. Maka kami mendesak Kerajaan mencari cara-cara baru untuk memulihkan nelayan-nelayan ini dan bukan menghukum mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lumut.

6.22 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang telah awal-awal lagi mengedarkan naskah pertama Rang Undang-undang Perikanan, 1984 sebelum bermulanya perbahasan mengenainya dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini dari sudut Zon Ekonomi Eksklusif, Kerajaan kita dapat bermula memberi erti dan makna kepada Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984 bagi meneroka sumber laut yang wujud di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rang Undang-undang ini, Ketua Pengarah Perikanan dikehendaki menyediakan dan menyimpan dengan sentiasa dikaji semula rancangan-rancangan perikanan untuk memastikan penggunaannya optimum akan sumber perikanan. Saya perhatikan juga wujudnya ciri-ciri baru dalam Rang Undang-undang ini yang bertujuan mengetatkan lagi peraturan-peraturan terhadap kesalahan-kesalahan perikanan. Kesan baik buruknya bagi setengah-setengah peraturan akan juga saya huraikan dengan panjang lebar nanti.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali saya melawat kawasan perikanan, para nelayan banyak bersungut. Daripada sungutan-sungutan itu saya telah mendapat tiga rumusan. Yang pertama, para nelayan pukut tunda mengadu terhadap terlalu ketatnya peraturan-peraturan perikanan yang kadang-kadang disalah tafsirkan oleh Pegawai-pegawai Perikanan. Yang keduanya, para nelayan pantai bersungut terhadap pencerobohan-pencerobohan yang mengganggu mata pencarian mereka. Yang ketiga, nelayan-nelayan asing yang mengacau mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, sebarang peraturan pengurusan atau kawalan yang banyak menyusahkan para nelayan tidak akan mendatangkan faedah kepada perusahaan perikanan. Sebaliknya perancangan yang terperinci dan teratur dengan disokong oleh

penguatkuasaan peraturan-peraturan yang tidak mengakibatkan penderitaan kepada nelayan akan membawa nafas yang baru kepada perusahaan perikanan kita. Muncul sumber laut yang berbeza dengan tema boleh membaharuinya dengan sendiri. Jadi, kita boleh memilih satu jalan yang mana para nelayan tidak akan mengalami kegelisahan dari segi pelaksanaan peraturan-peraturan baru. Memanglah tidak dapat dinafikan terdapat segelintir nelayan yang merupakan "kambing hitam". Tetapi tindakan mereka tidak sepatutnya dijadikan dalih bagi langkah-langkah yang keras dan ketat.

Tuan Yang di-Pertua, baik para nelayan pantai, mahupun para nelayan pukut tunda, mereka perlu diberikan dorongan dan pembelaan kerana mereka merupakan golongan miskin—sungutan-sungutan para nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini melalui Seksyen 25B bercadang mengenakan denda tidak melebihi \$50,000 terhadap kesalahan perikanan yang secara sengaja atau tidak dilakukan oleh para nelayan. Pada praktiknya, jumlah denda ini adalah terlampau tinggi kerana sebuah bot terpakai bagi pukut tunda udang misalnya, hanya bernilai \$3,000 berbanding dengan denda sebanyak \$50,000 yang dicadangkan. Sungguhpun pihak Majistret biasanya mengenakan denda mengikut perkiraan 15% daripada \$50,000 itu, iaitu \$7,500; ini jauh melebihi nilai bot yang terpakai. Sebagai contoh, terdapat satu kes dari Pulau Pangkor iaitu kawasan pilihanraya saya, yang dikenakan denda sebanyak \$11,200 pada pertengahan tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, penderitaan dan risiko pengusaha-pengusaha pukut tunda jarang diketahui oleh pihak Perancang Perikanan dengan sepenuhnya. Sebenarnya "kutu" adalah sumber kewangan mereka,

bukan pasaran saham yang digemari oleh taukeh-taukeh besar. Bagi mereka membeli bot dan alat-alat penangkapan. Selain daripada kutu, mereka bergantung kepada hutang-hutang kepada kedai-kedai kejuruteraan dan pembekal-pembekal lain. Gambaran ini menunjukkan peri gigih dan bagaimana nelayan-nelayan bekerja keras untuk menanggung mata pencarian keluarganya. Risiko yang dipikul oleh mereka sungguh tinggi memandangkan syarikat-syarikat insuran tidak melayan permohonan perlindungan insuran bagi bot-bot nelayan, berlakunya salah tafsiran peraturan-peraturan oleh Pegawai-pegawai Perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, bot-bot pukut jerut yang biasanya 40 tan beratnya

menangkap ikan pelagih. Jenis ikan ini hanya boleh ditangkap di permukaan air. Jadi, alat penangkapan ikan ini langsung tidak boleh mengacau atau mengorek muka dasar laut tetapi bot-bot seumpamanya ditafsirkan sebagai Zon "C" iaitu dihadkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh menyambung ucapan esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.